

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"INI tidak boleh terus berlaku. Jika sudah pernah berlaku, jangan diulang lagi. Fahamilah bahawa ibadat sembahyang itu adalah fardu ain, wajib ditunaikan pada waktunya. Ada pun apa jua program atau acara, tidak boleh jadi alasan untuk meninggalkan sembahyang. - Titah pada Majlis Musabqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi (Malam Ketiga) pada 11 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 9 Mac 2017 Masihi.



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

مانيسش ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN Dialah yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmat-Nya (hujan). Dan Kami menurunkan dari langit air hujan yang suci lagi menyucikan. Supaya Kami hidupan dengan air hujan itu bumi yang mati dan air hujan itu Kami beri minum kepada sebahagian daripada makhluk-makhluk Kami, itu binatang ternakan yang banyak dan manusia yang ramai." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 48 dan 49.

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.58

SUBUH
5.08

SYURUK
6.25

DUHA
6.48

ZUHUR
12.29

ASAR
3.38

MAGHRIB
6.31

ISYAK
7.40

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 33

18 MAC 2017 / 1438 جمادى الآخر 19

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Saleumxay Kommasith yang sedang berada di negara ini dalam rangka lawatan rasmi.

Pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan TYT Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao telah membincangkan isu-isu dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao, serta bertukar-tukar pandangan mengenai hal ehwal serantau dan antarabangsa.

TYT Saleumxay Kommasith pada Majlis Mengadap itu disertai oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Amphay Kindavong.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Saleumxay Kommasith.



Pemberian untuk mengurangkan beban

Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat

Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, dari hari kesembilan Mesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berkaitan dengan pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu yang akan dikuat kuasakan pada 1 April 2017.

Menurut Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan II (Kedua), sebelum kerajaan melaksanakan perkara tersebut, kajian mendalam sudah pun dibuat termasuklah perbincangan dengan stakeholders dan Kementerian Kesihatan juga telah menerima feedback daripada orang ramai.

Objektif pemberian lampin pakai buang dan alat penyusuan ibu ini, menurut Yang Berhormat adalah semata-mata untuk mengurangkan beban kewangan bagi ibu bapa yang terdiri daripada warganegara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang mempunyai anak yang baru dilahirkan dan juga bagi memastikan anak berkenaan akan mendapatkan penjagaan yang sewajarnya terutama sekali dari aspek kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, berdasarkan kajian yang telah dibuat,

jumlah kelahiran anak damit yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap di negara ini bagi tahun 2015 adalah seramai 5,459 orang. Jika dikira dari perbelanjaannya iaitu pemberian lampin pakai buang adalah sebanyak

2 kali sebulan dalam tempoh 12 bulan sahaja. Manakala alat bantuan penyusuan ibu diberikan pada setiap kelahiran bagi tempoh 2 tahun sekali jumlah yang akan dilibatkan untuk itu setahun hanyalah BND2.5 juta.

Ke muka 5

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan
Penerangan
Jabatan Perdana Menteri



Muka 3

Berkenan menerima
mengadap



Muka 16

Dianugerahkan
Lencana Juruterbang
Kehormat

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Terus komited berkhidmat kepada masyarakat dan negara

Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh
Bismillah Hir Rahman Nir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasabbihee Ajma'een, Waba'du

MARILAH kita merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Upacara Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-6 di Kem Latihan Kekal PKBN di Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong dapat berlangsung.

PKBN telah berjalan agak lama. Ia bermula dengan program rintis pertama pada tahun 2011 sehingga membawa kepada Pengambilan Ke-6 pada tahun 2016 / 2017 ini. Alhamdulillah, ia juga telah mempunyai Kem Latihannya yang kekal.

Perjalanan PKBN yang panjang ini, sudah sewajarnya mampu untuk menilai tentang tujuan PKBN diwujudkan, iaitu untuk melahirkan individu-individu yang berbakti kepada negara.

Soal keberkesanan PKBN tidaklah perlu berbangkit. Kerana jumlah para pelatih yang saban tahun meningkat, sudah cukup untuk menjadi bukti berlakunya perkembangan yang sihat. Hanya apa yang perlu bagi Task Force PKBN ialah melipatgandakan usahanya untuk menyediakan program-program yang bermanfaat bagi lepasan para Pelatih PKBN mencurahkan khidmat.

Setiap pelatih mempunyai potensi dan kebolehan tertentu. Potensi itu jika dipupuk, akan membuahkan keupayaan dan kepakaran yang tinggi. Namun yang penting, kita juga akan memerhatikan bakat dan cara mereka berfikir atau bertindak, sejauh manakah cara itu dipergunakan untuk kepentingan negara.

Sudah tiba masanya untuk kita menuai hasil daripada pelaburan dalam PKBN. Dengan moto Bersedia, Berkhidmat dan Berbakti, para Pelatih PKBN sudah sewajarnya menunjukkan kepada kita, bahawa mereka itu memang benar-benar berkebolehan dan kreatif. Inilah cabaran besar untuk mereka.

Perlu diingat, satu peranan asasi mereka ialah memikul kerja-kerja sukarela. Selaku sukarelawan, mereka pada bila-bila masa, perlu bersedia untuk menyumbangkan khidmat, sama ada dalam keadaan biasa



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-6 pada hari Isnin, 14 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 13 Mac 2017 Hijrah di Kem Latihan PKBN, Batu Apoi.

mahupun lebih-lebih lagi ketika berlaku musibah.

Inilah 'dasar' belia kita. Dasar ini perlu mantap untuk menjamin ketelusan dan kecekapan dalam berkhidmat.

Pihak berkenaan perlu menekankan perkara ini, sehingga ia benar-benar difahami dan dipegang kuat oleh para pelatih. Jika dasar tidak difahami dan dihayati, semua khidmat akan boleh jadi, seperti timbul tenggelam. Jika ada *mood* baik, baru orang buat, sementara kalau *mood* tidak baik, orang tidak akan buat.

Kerana itu sangat perlu, supaya dasar atau konsep itu diperkukuh. Adapun dasar atau konsep sukarela, sifatnya adalah luhur dan dinamik, ia tidak boleh dibayangi oleh sifat jemu atau malas. Inilah peranan dasar itu.

Para Pelatih PKBN perlu diikat dalam

satu ikatan. Ikatan itu ialah 'dasar' bagi organisasi. Ia boleh dijelaskan melalui apa yang termaktub dalam perlembagaan atau peraturan, dan juga boleh dilihat pada logo umpamanya. Semua ini dengan tujuan untuk memotivasi para sukarelawan supaya tetap komited dengan khidmat kepada masyarakat dan negara.

Beta amat optimis dengan kaum belia pada hari ini, dari sudut, mereka itu suka melakukan kerja-kerja amal dalam pelbagai bidang. Begitu juga kaum belia dikenali sebagai suka berpersatuan.

Kecenderungan seperti ini sangatlah bagus untuk diteruskan. Kerana berkumpul dan berinteraksi sesama belia boleh mencetuskan idea-idea besar dan baru yang sangat berfaedah.

Akhirnya, kepada para Pelatih PKBN Ke-6, beta mengucapkan tahniah dan syabas, sambil berharap, cebisan dari pengalaman yang pernah dilalui oleh mereka menerusi program ini, akan menjadikan PKBN sentiasa istimewa di hati dan mata mereka, dan juga di hati dan mata para ibu bapa dan penjaga. Di luar jangkaan latihan adalah diharapkan, bahawa alam Kem PKBN akan terus menerus menjadi tenaga, kekuatan atau *force* yang galati.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Dari Sidang Pengarang.

18 MAC 2017 BERSAMAAN 1438 جمادى الأخير 19

MANFAATKAN CUTI PERSEKOLAHAN

CUTI persekolahan bagi penggal pertama bagi tahun ini telah bermula dan sudah semestinya ia adalah berita gembira buat para pelajar. Semasa cuti sekolah inilah para ibu bapa hendaklah bijak menyusunaturkan aktiviti bersama anak-anak agar masa terluang mereka tidak disia-siakan begitu saja. Ada segelintir ibu bapa memanfaatkan cuti persekolahan ini untuk membawa anak-anak pergi bercuti tidak kira dalam mahupun keluar negara.

Walaupun cuti kali ini agak lama, para pelajar tidaklah boleh menganggap bahawa cuti sekolah bermakna buku juga turut bercuti. Mereka hendaklah mempersiapkan diri mereka dengan membuat ulangkaji menjelang peperiksaan yang sebahagian besarnya diadakan apabila sekolah kembali dibuka nanti. Oleh itu, cuti persekolahan ini bukan untuk dihabiskan sepenuhnya dengan berseronok dan melupakan terus pelajaran di sekolah. Para ibu bapa hendaklah prihatin dan mengambil berat terhadap pendidikan dan perkembangan anak-anak. Rancanglah sesuatu agar dapat memanfaatkan cuti sekolah anak-anak dengan sebaik-baiknya. Jangan biarkan anak-anak yang sendiri menguruskan masa cuti tanpa pengetahuan, pemantauan dan panduan daripada ibu bapa. Terdapat bermacam-macam aktiviti yang boleh dirancang dan dilaksanakan seperti melibatkan mereka dengan aktiviti-aktiviti di perpustakaan, masjid-masjid, melakukan riadah, lawatan-lawatan dan sebagainya.

Di samping itu, semasa cuti persekolahan ini juga merupakan peluang yang terbaik bagi para ibu bapa untuk meluangkan banyak masa bersama anak-anak selain memantau setiap aktiviti yang mereka lakukan agar tidak terjebak dengan aktiviti tidak sihat dan gejala sosial yang jelas menyimpang daripada ajaran agama Islam. Perkara ini kerana dalam usia muda, anak-anak begitu mudah terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya dan meniru perbuatan tidak sihat yang boleh merosakkan akhlak dan moral.

Oleh yang demikian, ibu bapa hendaklah sentiasa mengingatkan anak-anak supaya memanfaatkan masa dengan sebaik-baik mungkin untuk bekalan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat kelak, kerana kita semua akan ditanya adakah kita telah menggunakan masa dengan sebaik-baiknya.

Seperti lazimnya juga, pada musim cuti persekolahan ini terdapat berbagai-bagai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan mahupun persendirian untuk disertai oleh para pelajar misalnya program-program keugamaan, perkhemahan motivasi, bersukan, kesenian, kembara dan sebagainya. Jika anak-anak mempunyai kegemaran dan minat, inilah masa dan peluang ibu bapa untuk memberi galakkan dan dorongan kepada anak-anak supaya dapat mengasah bakat dan minat mereka.

Ibu bapa juga mengisikan masa lapang anak-anak dengan mengadakan aktiviti di rumah misalnya melatih anak-anak untuk melakukan kempen kebersihan di kawasan rumah. Dengan kegiatan seumpama ini, ibu bapa dapat mendidik anak mereka agar bersikap lebih berpemudulan dan tidak camah mata. Selain itu, ibu bapa juga boleh menggalakkan anak-anak menyertai program-program seperti mengikuti aktiviti memakmurkan masjid, kemasyarakatan, gotong-royong dan sebagainya kerana ia merupakan satu panduan yang baik untuk melihat anak-anak mendekati masjid, mempelajari ilmu agama, mengeratkan silaturahmi dan hidup bermasyarakat.

Oleh yang demikian, sepanjang cuti persekolahan ini para ibu bapa hendaklah memata-matai anak-anak mereka agar melakukan kegiatan bermanfaat dan yang memberikan kebaikan kepada diri mereka khususnya dalam membentuk sahsiah diri anak-anak. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

SETIAP pelatih mempunyai potensi dan kebolehan tertentu. Potensi itu jika dipupuk, akan membuahkan keupayaan dan kepakaran yang tinggi. Namun yang penting, kita juga akan memerhatikan bakat dan cara mereka berfikir atau bertindak, sejauh manakah cara itu dipergunakan untuk kepentingan negara.

Ramalan Cuaca 3 Hari		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
31°C / 24°C	31°C / 25°C	31°C / 24°C
MUARA		
31°C / 24°C	31°C / 25°C	31°C / 24°C
PERAN BANGAS		
31°C / 24°C	31°C / 24°C	31°C / 24°C
PERAN TUTONG		
31°C / 24°C	31°C / 25°C	31°C / 25°C
PERAN SERIA		
31°C / 24°C	31°C / 25°C	31°C / 24°C
KIDIL BELAIT		
31°C / 24°C	31°C / 25°C	31°C / 24°C



WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

Masihi MAC	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	SABTU	19	4 . 58	5 . 08	6 . 25	6 . 48	12 . 29	3 . 38	6 . 31	7 . 40
19	AHAD	20	4 . 58	5 . 08	6 . 25	6 . 47	12 . 29	3 . 38	6 . 31	7 . 40
20	ISNIN	21	4 . 58	5 . 08	6 . 25	6 . 47	12 . 29	3 . 37	6 . 31	7 . 40
21	SELASA	22	4 . 57	5 . 07	6 . 24	6 . 46	12 . 29	3 . 36	6 . 31	7 . 40
22	RABU	23	4 . 57	5 . 07	6 . 24	6 . 46	12 . 28	3 . 35	6 . 31	7 . 40
23	KHAMIS	24	4 . 56	5 . 06	6 . 23	6 . 45	12 . 28	3 . 34	6 . 31	7 . 40
24	JUMAAT	25	4 . 56	5 . 06	6 . 23	6 . 45	12 . 28	3 . 33	6 . 30	7 . 39

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Menerima mengadap Penaung Diraja FAPW



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) telah berkenan menerima mengadap Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, Penaung Diraja Friends of Asia Pacific Region World Association of Girl Guides and Girl Scouts (Sahabat Rantau Asia Pasifik Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia - FAPW). Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua PPPBD.

Oleh : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji

Mohamed Alam, Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) telah berkenan menerima mengadap Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Almutawakkil Alallah Sultan

Iskandar Al-Haj, Penaung Diraja Friends of Asia Pacific Region World Association of Girl Guides and Girl Scouts (Sahabat Rantau Asia Pasifik Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia - FAPW).

Berangkat sama pada Majlis Mengadap tersebut ialah Yang

Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua PPPBD.

Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman tersebut disertai sama oleh Ahli-ahli FAPW dan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim dan Ahli-ahli PPPBD yang lain.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajjah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berada di negara ini bagi berangkat menghadiri Perhimpunan Agung Ke-5, FAPW WAGGGS yang berlangsung selama empat hari, iaitu pada 12 hingga 15 Mac di negara ini.

Tujuan utama perhimpunan ini diadakan adalah untuk memilih enam ahli Working Group baharu untuk berkhidmat bagi tempoh selama tiga tahun.

FAPW merupakan sebuah skim keahlian yang menyumbang ke arah perkembangan dan pembangunan Persatuan Pandu Puteri dan Pengakap Puteri Sedunia (WAGGGS) serta ahli-ahlinya.

Perhimpunan kali ini melibatkan penyertaan seramai 93 Ahli FAPW WAGGGS dari 13 buah negara-negara rantau Asia Pasifik, iaitu Australia, Cook Island, Filipina, Hong Kong, Jepun, Korea Selatan, Malaysia, Maldives, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang perhimpunan tersebut, pelbagai program telah dijalankan termasuk penyampaian pin keahlian FAPW, bazar antarabangsa serta lawatan ke tempat-tempat menarik serta Perusahaan-perusahaan Kecil dan Sederhana tempatan.

Berkenan menerima mengadap

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Puan Alouny Kommasith, isteri Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Saleumxay Kommasith.

Pada Majlis Mengadap tersebut, Puan Alouny Kommasith ditemani oleh Puan Phimpa Kindavong, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Amphyay Kindavong.

Juga berada pada majlis tersebut termasuklah Datin Paduka Tan Bee Yong, isteri Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua).

Puan Alouny Kommasith berada di negara dalam rangka lawatan dua hari menyertai suaminya.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman, petang tadi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Puan Alouny Kommasith, isteri Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Saleumxay Kommasith.

Teliti cara membudayakan cara hidup sihat



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan bahawa di dalam kurikulum Kementerian Pendidikan ada menyediakan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan.

Kementerian Pendidikan ujar

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Yang Berhormat, mempunyai dasar penjagaan kesihatan dalam kalangan pelajar sekolah misalannya dalam kegiatan ECA.

"Kita menghendaki setiap pelajar untuk mengambil satu ECA sementara dalam jadual waktu mereka disediakan dua *period* seminggu bagi *PE Classes* di *primary* dan *secondary level* pendidikan. Ia bertujuan supaya mereka ini mengambil kegiatan-kegiatan ataupun aktiviti-aktiviti sukan dalam tempoh yang diberikan tersebut," demikian jelas Menteri Pendidikan semasa menjawab soalan Ahli Majlis Mesyuarat, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman mengenai usaha mencegah / mengubati dan memberi ketahanan diri dari penyakit kronik melalui kurikulum sekolah pada Persidangan Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung

di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menyatakan isu-isu ataupun tajuk-tajuk kesihatan seperti menjaga kebersihan diri (*personal hygiene*), keseimbangan pemakanan, penyakit-penyakit berjangkit, bahaya dadah dan dari segi nutrisi juga ditekankan dalam mata pelajaran Sains dari Tahun 4 hingga Tahun 8.

Manakala *syllabus* peringkat GCE 'O' dan 'A' serta mata pelajaran Combined Science tambah Yang Berhormat, mengandungi isu-isu yang menekankan mengenai penyakit-penyakit berjangkit, cara-cara pencegahan, penyakit-penyakit lain seperti sakit jantung, HIV, AIDS dan penyalahgunaan dadah.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji

Hanafi semasa menjawab persoalan tersebut menyatakan, Kementerian Kesihatan melalui Multi Sector Taskforce for Health ada membuat kerjasama dengan kementerian-kementerian terutama sekali Kementerian Pendidikan bagi meneliti bagaimana cara untuk memastikan kanak-kanak membudayakan cara hidup sihat.

Yang Berhormat seterusnya menggariskan antara beberapa caranya ialah, seperti dari segi persekitaran sekolah dan kempen kebersihan.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan memperkenalkan sistem *traffic light*, iaitu jika makanan yang ada *traffic light* merah langsung tidak boleh dimasukkan ke kantin-kantin, yang 'kuning' dihidkan dua kali seminggu dan makanan yang lain mestilah 'hijau'.

Kementerian Kesihatan juga



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

bekerjasama dengan guru-guru supaya menerangkan berkaitan hal ehwal kesihatan dalam pengajaran mereka pada subjek-subjek tertentu, jelas Yang Berhormat.

Sektor Perhubungan udara menjalani proses pemodenan

Laporan : Hajah Siti Muslihat Haji Salleh
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Sektor Perhubungan Udara terus berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan dengan proses pemodenan.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menjelaskan antara proses pemodenan tersebut antaranya ialah meluaskan ruang Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei; Menaik taraf Sistem Perhubungan dan Pengurusan Ruang Udara atau Communication Navigation System dan Air Traffic Management; Projek rehabilitasi landasan kapal terbang yang dilaksanakan secara berterusan setiap sepuluh tahun sekali dan Mengemaskini pengurusan dan perundangan Penerbangan Awam.

Bagi tujuan ini Jabatan Penerbangan Awam telah mengambil khidmat nasihat dari United Kingdom Civil Aviation Authority International (UK CAAi), mengambil kira perkembangan yang berlaku di arena antarabangsa, khususnya saranan yang telah dikeluarkan oleh International Civil Aviation Organisation.

Semasa menyampaikan mukadimah pada Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di sebelah petang hari kesembilan, Yang Berhormat menambah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah banyak menanamkan model untuk membuat pelaburan meningkatkan Prasarana Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

"Kerajaan ketika ini juga sedang giat berusaha ke arah meningkatkan pelancongan, menggalakkan pelaburan dan mengukuhkan hubungan diplomatik dan ekonomi dengan negara-negara luar atas asas kepentingan bersama.

Dalam hal ini, Sektor Penerbangan Awam memainkan peranan penting untuk mengeratkan lagi hubungan tersebut dengan mengadakan

hubungan penerbangan atau *air linkages* dengan negara-negara berkenaan. Kita yakin pertukaran penduduk atau *people-to-people exchanges* akan mendatangkan kemanfaatan kepada semua pihak," tambah Yang Berhormat.

Ketika ini jelas Yang Berhormat, sebanyak 5 buah syarikat penerbangan yang beroperasi dengan keramaian penumpang sebanyak 1.5 juta orang setahun. Ini bermakna Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei mempunyai *capacity* yang luas untuk menerima syarikat-syarikat penerbangan dari negara-negara sahabat untuk membuat perkhidmatan udara ke negara ini.

Atas tujuannya, tambah Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam, telah mengamalkan dasar Ruang Angkasa Terbuka atau *Open Sky Policy*, dan memeterai Perjanjian Perkhidmatan Udara (*Air Services Agreement*) bersama 48 buah negara. Sungguhpun demikian, Kementerian Perhubungan hanya mampu melaksanakan 13 perkhidmatan udara dengan 16 destinasi dan secara purata 35 penerbangan sehari.

"Sehubungan dengan itu, Kementerian Perhubungan akan mengambil pendekatan yang lebih aktif untuk meningkatkan Sektor dan Industri Penerbangan Awam dengan impak yang tinggi mengambil faedah daripada *economic spin-off* melalui perkembangan sektor penerbangan awam yang berdayatahan (*sustainable*).

Kementerian Perhubungan juga akan melaksanakan beberapa strategi bagi menarik lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan beroperasi ke Negara Brunei Darussalam.

Strategi-strategi tersebut terangkai Yang Berhormat ialah Pertama, Mempromosikan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dalam senarai 'Skytrax', iaitu senarai lapangan terbang antarabangsa yang terkemuka.

Kedua, dalam rangka *Open Sky Policy*, ialah untuk menggalakkan persaingan yang sihat dan adil



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

(*fair competition*) antara syarikat-syarikat penerbangan.

Ketiga, bekerjasama rapat dengan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan mengkaji amalan-amalan timbal balik atau *reciprocity* terbaik.

Keempat, jika perlu menawarkan insentif yang bersesuaian pada syarikat penerbangan untuk beroperasi ke Negara Brunei Darussalam untuk membawa pengunjung atau pelancong ke negara ini.

Dan yang kelima, tambah Yang Berhormat, dalam jangka panjang, pemikiran menswastakan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei juga dipertimbangkan.

Menyentuh mengenai perkembangan Jabatan Kaji Cuaca yang juga berhubung dengan perkhidmatan penerbangan awam ialah perkhidmatan kaji cuaca yang kini telah dinaik taraf sebagai Jabatan Kaji Cuaca pada tahun 2013 yang kini mempunyai peranan dan skop tanggungjawab yang lebih meluas dalam mendukung aktiviti dan operasi di pelbagai sektor ekonomi.

Selain itu, maklumat kaji cuaca semakin ketara nilai dan kepentingannya kepada orang ramai terutama dalam membuat perancangan perjalanan dan perniagaan.

Ke arah ini, Jabatan Kaji Cuaca jelas Yang Berhormat, akan mengambil pendekatan yang lebih *business oriented* dalam memberi perkhidmatan dan mengongsikan kajian cuaca kepada orang-ramai.

Sistem Garis Pandu Tuntutan Kenderaan akan diperkenalkan

Laporan : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menyatakan, Sistem Garis Pandu Tuntutan Kenderaan atau Motor Claim Guidelines akan diperkenalkan bagi meleraikan kesesakan lalu lintas dengan cepat apabila berlaku kemalangan.

Dalam ucapan mukadimah pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat seterusnya berkata, sistem dengan kerjasama Persatuan Insurans Takaful Brunei itu bagi kemalangan yang tidak melibatkan kematian atau kecederaan dan kerosakan pada harta benda kerajaan.

"Dengan adanya sistem ini, semua isu ganti rugi bagi kemalangan kenderaan yang tidak melibatkan kematian atau kecederaan dan kerosakan harta benda kerajaan, akan diselesaikan antara pihak insurans sahaja tanpa memerlukan laporan polis," jelas Yang Berhormat Menteri Perhubungan.

Terdahulu, Yang Berhormat juga menjelaskan, sebahagian besar kesalahan-kesalahan lalu lintas dan

undang-undang jalan raya adalah dijadikan sebagai *compoundable offences* atau kesalahan-kesalahan kecil yang boleh dikenakan denda tanpa perlu dirujuk kepada mahkamah sebagai salah satu usaha ke arah Ease of Doing Business.

Sementara itu, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai proses pemilikan kenderaan persendirian akan terus dipermudahkan terutama dari segi proses pendaftaran, pembayaran lesen tahunan dan pematuan peraturan dan undang-undang, khususnya yang berhubung dengan *road worthiness*.

"Pada tahun lepas, pemberian perkhidmatan pemeriksaan kelayakan kenderaan persendirian telah diberikan atau *dioutsourced* kepada bengkel-bengkel Kelas 'A' yang diiktiraf oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) atau dikenali sebagai Vehicle Inspection Station (VIS)," katanya.

Pelaksanaan inisiatif itu, tambahnya, memberi pilihan kepada orang ramai untuk berurusan dan mendapatkan perkhidmatan tambah nilai dari bengkel-bengkel tersebut serta mengurangkan jumlah lebih 25 peratus orang ramai berkunjung ke JPD.



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai kerajaan dari kementerian berkenaan yang hadir pada mesyuarat tersebut.



Maritime Port Authority Brunei Darussalam akan berkuat kuasa

Laporan : Marlinawaty Hussin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Jabatan Laut dan Pelabuhan dijangka akan dicantumkan menjadi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam atau Maritime Port Authority Brunei Darussalam yang akan mula berkuat kuasa sebelum penghujung tahun ini.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menjelaskan demikian dalam ucapan mukadimah pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, dengan terbentuknya badan berkenaan, perhatian sepenuhnya akan diberikan kepada aspek kawal selia dan membuat perancangan jangka panjang bagi pertumbuhan perkhidmatan maritim dan pelabuhan dengan terbentuknya badan tersebut.

Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan katanya, akan terus memantau sistem perkapalan dan perdagangan serantau dan antarabangsa serta menilai kesan-kesan atau impaknya bagi memastikan Negara Brunei Darussalam akan terus relevan dalam rangkaian perkapalan dan logistik antarabangsa.

"Di samping itu, Pihak Berkuasa

Maritim dan Pelabuhan juga akan merangka strategi ke arah memperluaskan industri maritim dan perkapalan, termasuk prasarana persinggahan dan perkhidmatan lain (*support services*), yang sesuai dengan usaha kerajaan untuk memajukan ekonomi negara," kata Yang Berhormat.

Sementara itu, Yang Berhormat juga menyatakan Operasi Terminal Kontena Muara telah pun diswastakan kepada Darussalam Asset mulai 21 Februari yang lalu.

Tambahnya, penswastan tersebut dilaksanakan agar Pelabuhan Muara dapat diurus tadbir dengan cekap dan berkesan dan dipromosikan sebagai destinasi perdagangan, transit dan *export processing zone*.

"Alhamdulillah dalam sebulan di bawah Darussalam Asset, banyak perubahan telah dibuat," ujar Yang Berhormat.

Sehubungan itu, Yang Berhormat berkata, pihak Darussalam Asset juga telah membentuk satu usaha sama dengan Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co. Ltd., iaitu sebuah syarikat dari Republik Rakyat China yang mempunyai pengalaman dalam pengendalian perkhidmatan pelabuhan.

Menurut Yang Berhormat, kementerianya mengalu-alukan pertubuhan *joint venture* itu memandangkan Republik Rakyat China merupakan antara negara pengeksport yang terbesar di dunia.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat.

Kementerian Perhubungan terima anggaran belanjawan lebih BND122 juta

Laporan :

Hajah Siti Muslihat Haji Salleh

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Kementerian Perhubungan, merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan negara Brunei Darussalam, bagi anggaran belanjawan yang dicadangkan sebanyak BND122,288,530.00 bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 untuk diamanahkan kepada Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi melaksanakan program pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menjelaskan, dari peruntukan ini kira-kira sebanyak BND41 juta dikhususkan untuk pembayaran Gaji Kakitangan; BND26 juta untuk perbelanjaan operasi atau

perbelanjaan Berulang-ulang dan sebanyak hampir BND54 juta diperuntukkan untuk perbelanjaan kemajuan bagi Tahun 2017 / 2018.

Anggaran perbelanjaan tersebut dinyatakan oleh Menteri Perhubungan dalam mukadimah pada Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang di sebelah petang hari kesembilan hari ini.

Jumlah keseluruhan, khususnya yang berhubung dengan Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Berulang-ulang, walaupun sedikit berkurangan dari peruntukan tahun lepas tambah Yang Berhormat, namun Kementerian Perhubungan telah dapat memenuhi had yang ditetapkan memandangkan kepada suasana ekonomi yang dihadapi masa ini.

"Pengurangan ini juga mencerminkan usaha-usaha yang

dijalankan oleh jabatan-jabatan di bawah Kementerian Perhubungan sejauh ini untuk memudahkan cara dan menjimatkan perbelanjaan khususnya melalui penswastan perkhidmatan yang tidak *cost effective* dan sebagainya," ujamnya.

Yang Berhormat menambah, asas kepada pembangunan negara ialah masyarakat yang dinamik untuk membangun ekonomi yang mampan dan berdaya tahan serta tunggak kepada kesinambungan bangsa dan negara.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tambah Yang Berhormat tidak pernah kendur-kendur untuk menyediakan kemudahan dan prasarana Perhubungan dan Pengangkutan, baik untuk tujuan dalam atau luar negara, atas harapan komitmen tersebut akan membawa kesejahteraan kepada rakyat baginda.

Menurutnya, melalui Kementerian

Perhubungan, antara tujuan kerajaan ialah untuk meluaskan Sektor Perhubungan dan meningkatkan lagi sistem pengangkutan awam yang *sustainable* dan *inclusive* untuk dimanfaatkan oleh seluruh lapisan rakyat.

Yang Berhormat menambah, Kementerian Perhubungan di samping kerajaan berusaha untuk memberi perkhidmatan yang cemerlang, sistem perhubungan dan pengangkutan awam yang cekap dan berkesan, juga berupaya untuk membuka lagi peluang-peluang mencari pekerjaan, ruang-ruang perdagangan, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan membantu mengurangkan permasalahan sosial.

"Perhubungan dan Pengangkutan juga menyumbang kepada berbagai aspek pembangunan yang lain, seperti Pendidikan, Kesihatan, Keselamatan, Pelancongan, Diplomasi dan sebagainya.

Ianya diibaratkan sebagai urat nadi yang menyalurkan zat dan makanan kepada jasmani / jasad masyarakat. Tanpa penyaluran ini, maka akan lemahlah masyarakat ketandusan khasiat makanan yang diperlukan," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, dalam suasana Negara

Brunei Darussalam berhadapan dengan cabaran-cabaran ekonomi dan sosial, peranan Pengangkutan dan Perhubungan tidak dapat diabaikan.

Sistem Perhubungan dan Pengangkutan yang efisien atau berkesan terang Yang Berhormat, ialah sistem yang menghubungkan pergerakan penduduk dan rakyat atau *connectivity* dari satu destinasi ke destinasi lain yang mempunyai kepentingan dan tujuan asas seperti perdagangan, pendidikan, dan sebagainya.

Menteri Perhubungan juga penuh percaya bahawa Sistem Perhubungan dan Pengangkutan yang cekap dan berkesan adalah juga sistem yang memberi jaminan atau *reliability*. Ini bermaksud perkhidmatan pengangkutan yang berjadual yang boleh diharap oleh orang ramai, khususnya dalam membuat perancangan perjalanan seharian, perniagaan, pelancongan dan sebagainya.

"Kedua-dua elemen penting ini, insyaaAllah, akan menggalakkan kelangsungan pergerakan rakyat, barangan dalam dan luar negara dan melahirkan masyarakat yang dinamik dalam erti tuturan ketani orang Brunei masyarakat yang bekarih, bejariah dan belurih," jelas Yang Berhormat.

Pemberian untuk mengurangkan beban

Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

"Jadi bayangkan jika kita bandingkan jumlah subsidi yang diberikan oleh kerajaan bagi minyak kereta seperti yang pernah saya bentangkan ialah pada tahun 2014 / 2015, BND328 juta. Manakala 2015 / 2016 ialah BND160 juta tergantung pada harga minyak.

Menurut Yang Berhormat, *ineligible* dan bantuan seumpama ini, jika dilihat melalui media sosial sebagainya, beberapa negara maju seperti jua negara-negara Eropah memberikan *starter kit* yang mengandungi lampin, *sleeping bed*, *toiletries*, *mitten* dan ada juga yang memberikan elauun bulanan.

Apa yang penting, jelas Yang Berhormat, bantuan ini akan menggalakkan supaya ibu-ibu dapat menyusukan anak mereka sebagaimana yang digalakkan dalam Islam sehingga anak tersebut 2 tahun.

Jika dilihat dari segi impaknya, jelas Yang Berhormat, sekiranya susu tin itu dalam sebulan kira-kira dalam BND70.00 ke BND90.00 dan lampin, jika 2 kali sekurang-kurang BND30.00 ke BND40.00. Jika dikira dalam seratus lebih sebulan dan ibu-ibu itu akan *saving* dalam BND1,400 lebih. Sementara jika ibu-ibu yang baharu melahirkan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Kementerian Pendidikan kenalkan program Buku Bacaan Inspirasiku

Laporan : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Hasil penulisan daripada penulis-penulis tempatan negara telah didedahkan di sekolah-sekolah seluruh negara, usaha Unit Sumber Sekolah di Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Perkembangan Kurikulum bahawa semua sekolah telah menyediakan sudut inspirasiku.

Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan mengambil inisiatif memperkenalkan amalan bacaan teras atau pun asas kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menjelaskan perkara itu pada hari kelapan dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Bangunan Dewan Majlis, di sini, bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerna Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.

Menurut Menteri Pendidikan, buku bacaan teras diperkenalkan

melalui satu program yang dikenali sebagai Buku Bacaan Inspirasiku.

Katanya, program itu adalah bagi membangkitkan semangat jati diri bangsa, agama dan tanah air serta cintakan ilmu hasil cetusan minda dari buku yang dibaca.

"Ke arah itu, pihak jabatan telah mengenal pasti tema-tema yang bersesuaian bagi dimuatkan ke dalam siri Buku Bacaan Inspirasiku, iaitu dari aspek sejarah dan pembangunan Brunei, kedaulatan agama Islam, kesultanan, pendidikan, ekonomi, adat istiadat dan sosial," tambah Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Keistimewaan siri Buku Bacaan Inspirasiku jelasnya, ialah ia memuatkan hasil penulisan tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan tempatan. Adalah diharapkan para pelajar akan terinspirasi dengan gagasan pemikiran penulis-penulis tersebut untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan mereka.

Program tersebut katanya, akan melibatkan semua pelajar di peringkat rendah atas, iaitu Tahun 4 hingga Tahun 6 dan peringkat menengah Tahun 7 hingga Tahun 10 atau Tahun 11.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Tambah Yang Berhormat, setiap pelajar dikehendaki membaca buku-buku dalam senarai yang terkandung dalam siri Buku Bacaan Inspirasiku. Fokus yang diketengahkan terkandung dalam siri dalam pemilihan tajuk yang tersenarai dalam kategori Siri Buku Bacaan Inspirasiku ialah kesultanan, tokoh-tokoh ilmunan, sirah nabi dan sahabat, keagamaan, kemasyarakatan, kenegaraan, ekonomi dan keusahawanan,

pendidikan, kebudayaan dan keantarabangsaan.

Jelasnya, dengan menjadikan Siri Buku Bacaan Inspirasiku ini sebagai buku bacaan teras bagi semua murid dan pelajar sekolah rendah dan menengah, ia diharapkan akan dapat melahirkan pelajar yang suka menimba ilmu, bersikap proaktif dan bersemangat tinggi untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia serta di akhirat.

Di samping itu, menurut Menteri



Pendidikan, matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu : "Rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi," akan dapat direalisasikan.

Ada beberapa buah buku atau novel tempatan tambahannya, juga digunakan oleh pelajar-pelajar seperti contohnya di peringkat 'A' Level, novel tempatan bertajuk "Hadiah Sebuah Impian" dan "Puncak Pertama" yang merupakan novel moden.

Sementara di Peringkat 'O' Level, "Hikayat Awang Kamaruddin", novel "Pengabdian", "Meniti Waktu" (sebuah cerpen), "Antologi Sajak Cermin Diri" semuanya merupakan buku-buku tempatan.

Dalam subjek MIB, pengukuhan jati diri bangsa diajarkan di peringkat sekolah rendah contohnya tanggungjawab pelajar terhadap diri sendiri, keluarga, jiran dan masyarakat sekolah serta negara. Semua tanggungjawab yang di atas sudah diajarkan dari rendah bawah lagi.

Poverty line perlu ditangani dengan serius

Laporan : Noriah Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka bukan berperanan untuk memberikan pendapatan hasil ataupun *income generating* untuk kerajaan, tetapi fungsi utama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ialah untuk meningkatkan dan menyebarkan penggunaan bahasa Melayu, menerbitkan buku, majalah dan jurnal untuk penyebaran penggunaan bahasa Melayu, tetapi secara tidak langsung dapat memberikan hasil pendapatan kepada kerajaan.

Perkara itu telah disentuh oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof semasa menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanthi binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, mengenai kutipan hasil DBP kelihatan menurun dan cadangan untuk meningkatkan pendapatan tersebut pada hari kelapan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang hari ini.

Ujar Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan lagi, pendapatan hasil DBP menerbitkan dan menjual buku, majalah dan jurnal secara tidak langsung dapat memberikan hasil pendapatan kepada kerajaan walaupun hasil jualan tidak memberikan pulangan yang menguntungkan.

Ini termasuk bila-bila masa DBP

menyertai pesta-pesta buku sama ada dalam juga luar negeri.

Memang pendapatan daripada pesta-pesta buku ini memang kurang jika dibandingkan dengan jika ada pesta atau pun festival diadakan dalam negeri.

Penurunan pendapatan hasil tersebut menurut Yang Berhormat adalah kerana buku-buku teks dan buku bahan bacaan tambahan di sekolah menengah dan rendah telah diambil alih sepenuhnya oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan.

Mengenai cadangan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanthi supaya bangunan-bangunan tersebut dapat disewakan kepada operator dengan cara PPP dan mengikut kreativiti-kreativiti mereka sendiri untuk melaksanakan perniagaan berdasarkan dengan garis panduan yang ditetapkan oleh DBP, Yang Berhormat menjelaskan ia mungkin satu cadangan baik yang harus diteliti juga diterokai dan sejauh mana nanti syarikat-syarikat yang berkeinginan itu dapat menjayakannya.

Menurut Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, perlu juga dilihat juga kerana dalam mukadimah awal dan jawapan-jawapan soalan terdahulu, timbul isu segala e-library dan sebagainya kecuali perpustakaan itu juga dibenarkan membuat perkara-perkara lain sebagai sampingannya seperti adanya restoran dan sebagainya.

Menyentuh mengenai soalan Yang Berhormat Dayang Siti

Rozaimeriyanthi mengenai adakah usaha-usaha sudah dibuat untuk menyelaraskan data-data dari banci untuk mengenal pasti golongan yang memerlukan bantuan seperti bantuan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Majlis Ugama Islam (MUIB) dan apakah statusnya pada masa ini, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan bahawa kaji selidik itu memang sudah dibuat dan sebagai asas juga bagi pihak Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial juga melalui strategi jaminan sosial untuk mengenal pasti dan sebagai sukut-sukatnya dalam menimbangkan sebarang bantuan, baik dari bantuan keluarga bulanan juga bantuan-bantuan yang lain.

Mengenai *poverty line* tersebut memang sudah jadi isu yang dinaikkan setiap tahun. Memang tidak dapat dijelaskan juga dalam keputusannya, ujar Yang Berhormat.

"Barangkali itulah sebahagiannya dan ia memangnya sudah dikira dan bagi Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial ia memang dipengerusikan oleh kaola selaku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, tapi juga dianggotai oleh beberapa orang Yang Berhormat Menteri di kementerian khususnya dari Kementerian Hal Ehwal Ugama. Jadinya penyejajaran mengenai kadar-kadar bantuan ini berpandukan daripada garis panduan atau kaji selidik yang telah pun diadakan," kata Yang Berhormat.



YANG Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanthi binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.



SEBAHAGIAN daripada pegawai kanan kerajaan yang hadir pada persidangan MMN tersebut.

Perkhidmatan perubatan alternatif mesti selamat

Laporan : Hajah Zabaidah Haji Salat
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi telah menekankan mengenai isu perkhidmatan perubatan alternatif yang ada di negara ini mestilah selamat, di samping perkhidmatan itu tidak akan memudaratkan siapa yang akan menerima rawatan.

Perkara tersebut perlu dipatuhi, memandangkan telah terbukti adanya perkhidmatan tersebut yang sepatutnya menghasilkan kesihatan, tetapi sebaliknya telah menimbulkan penyakit.

Kes-kes seperti ini, menurut Yang Berhormat, telah terjadi, apabila ada pesakit tiba di klinik kesihatan atau hospital setelah menjalani rawatan alternatif.

"Kebanyakan daripada rawatan alternatif ini memudaratkan mereka kerana mereka ini tidak ada kefahaman mengenai dengan 'treatment' itu dan mungkin ada yang tidak bertaubiah atau mungkin tidak

ada lesen untuk menjalankan rawatan tersebut," jelas Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, kalaupun rawatan itu terbukti selamat, dan tidak memudaratkan pelanggan atau pesakit Kementerian Kesihatan boleh memikirkan sama ada disokong atau tidak rawatan itu, dan bagi tujuan tersebut satu unit yang dinamakan perkhidmatan-perkhidmatan alternatif telah diadakan di Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan demikian ketika menjawab usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari mengenai beberapa kaedah perubatan alternatif yang terdapat di negara ini di hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Di majlis itu, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin @ Jahari telah mencadangkan supaya perkhidmatan

perubatan alternatif digalakkan untuk dipraktikkan di Negara Brunei Darussalam, seperti salah satunya ialah perkhidmatan perubatan alternatif ialah berbekam atau Al-Hijamah yang merupakan perubatan sunnah yang istimewa yang dibawa oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam sendiri selepas peristiwa Israk dan Mikraj.

Kehebatan dan kepentingan rawatan atau perubatan ini, jelas Yang Berhormat, telah menyingkap seribu hikmah terhadap penjagaan kesihatan tubuh manusia yang perlu diamalkan dengan penuh keyakinan bukan hanya menganggapnya sebagai salah satu perubatan Islam bahkan sebagai manifestasi percaya dan cinta hakiki seorang Muslim kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan kekasihannya dengan mengikuti sunnahnya dalam segenap aspek kehidupan. Sepertimana Firman Allah :- Dengan maksudnya: "Katakanlah jika kamu benar-benar mencintai Allah, ikutilah Aku (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam) nescaya Allah Subhanahu Wata'ala mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Di samping itu, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin @ Jahari juga mencadangkan agar ada perancangan pihak Kementerian Kesihatan membuat pendekatan pencegahan penyakit dengan amalan sihat sunnah, agar dengan membarigakan dan mempraktikkan amalan-amalan sihat sunnah sekurang-kurangnya akan dapat mengurangkan



perbelanjaan perubatan negara.

Menjawab cadangan tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan bahawa bagi tujuan tersebut, telah dilakukan oleh para doktor Negara Brunei Darussalam malah juga dilakukan oleh doktor-doktor luar yang bekerja di negara ini, khususnya yang beragama Islam dengan mempraktikkan pekerjaan mereka mengikut keislaman, terutama ketika berjumpa pesakit seperti memberi salam.

Sebelum membuat pemeriksaan, menurut Yang Berhormat, para doktor juga membaca doa sebelum merawat pesakit. Di samping memberi peringatan kepada pesakit mengenai membaca doa, membaca Al-Quran semasa ditahan di hospital. Dan lain-lain perkhidmatan ialah Kementerian Hal Ehwal Ugama, juga ada memberi khidmat ustaz dan ustazah di kesemua hospital di negara ini.

Logo *Healthy Choice* jamin keselamatan makanan



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Pada hari kesembilan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Bangunan Dewan Majlis di sini, isu berkaitan *healthy choice logo* telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu.

Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi semasa menjelaskan mengenai isu tersebut berkata, Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan, mengadakan siri bengkel untuk memberi kesedaran kepada semua pihak yang berkaitan dengan industri pemakanan sama ada dari segi peringkat restoran, peringkat pembekal makanan dan sebagainya.

Menurutnya, bengkel ini akan diteruskan secara langsung, malahan sebahagian daripada kedai dan juga *supermarket* telah mengambil langkah positif untuk sama-sama mula menggunakan logo-logo berkenaan.

"Perkara ini akan dilaratkan dan sangat menyenangkan hati bahkan banyak sudah orang tampil ke

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

hadapan bertanya mengenai logo-logo ini," katanya.

Yang Berhormat Menteri menambah, ianya satu indikasi yang positif bahawa kesedaran itu datang daripada para penjual dan perkara itu juga pernah disentuh dalam per muzakarah sebelum ini mengenai isu keselamatan pemakanan.

"Salah satu daripada objektif kita memberi logo itu ialah untuk memastikan keselamatan makanan itu juga. Bukan sahaja dari segi kandungan kalori, kandungan lemak

dan sebagainya malahan dari segi penyediaan makanan ini juga. Kalau kita mempunyai kesedaran mengenai keselamatan pemakanan ini, *consumer* yang memakan makanan ini akan terjamin dari segi kesihatannya juga," tambahnya lagi.

Walau bagaimanapun, kempen mengenai memberi kesedaran ini katanya akan terus-menerus diadakan dan pihaknya akan mempertingkatkan usaha di peringkat akar umbi kerana kesedaran itu harus mula daripada individu.

Doktor, pakar tempatan disaran kekal dalam sektor perubatan

Laporan : Sastra Sarini Haji Julaini
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memastikan doktor dan pakar tempatan yang sudah bertaubiah untuk kekal dalam sektor perubatan di negara ini.

"Beberapa inisiatif sudah dilaksanakan, pertamanya untuk memastikan yang doktor dan pakar ini yang sudah bertaubiah ini, kita sentiasa *engage* mereka ini supaya mereka tahu apa yang diperlukan di Brunei.

Ini telah dilaksanakan dalam setahun, dua tahun lepas dan memastikan kita sentiasa memberitahu mereka apa yang ada, apa keperluan dan memastikan jua apa yang mereka faham yang mereka ini dihantar oleh kerana keperluan negara," jelas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi pada Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang



PEGAWAI-PEGAWAI kerajaan dari pelbagai kementerian hadir pada sidang tersebut.

bersidang di hari kesembilan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Terdahulu, Ahli Majlis Mesyuarat, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman mengajukan soalan

mengenai langkah jangka panjang untuk mengekalkan bakat-bakat konsultan, pakar dan doktor tempatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan, kementerian berkenaan sudah memulakan sekolah perubatan selama tiga tahun di Brunei dan tiga tahun terakhir di negara-negara United Kingdom, Eropah, Australia ataupun Amerika Utara, dan sekarang peringkat latihan pakar juga sudah dimulakan.

"Jadi kalau mereka ini bermula latihannya di Brunei, mereka faham akan keperluan orang kita, betapa orang kita benar-benar memerlukan mereka ini. Kalau bukan orang kita siapa lagi?," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat, sebelum ini menjelaskan bahawa pelaburan bagi setiap seorang doktor untuk belajar di sekolah perubatan di universiti perubatan sehingga mereka *graduate* sekurang-kurangnya BND500,000.00, baru



YANG Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

mendapat gelaran doktor. Ini belum termasuk menjalankan latihan kepakaran yang mungkin memakan masa lebih kurang 6 hingga ke 8 tahun.

62 peratus belanjawan Kementerian Kesihatan bagi rawatan pesakit



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dalam mukadimah penerangan mengenai tumpuan dan fokus utama Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018 pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di hari

kelapan, di sebelah petang, hampir BND196 juta atau 62 peratus daripada belanjawan yang diperuntukkan untuk Kementerian Kesihatan adalah bagi penjagaan kesihatan *secondary* dan *tertiary*, iaitu bagi rawatan pesakit.

Jumlah tersebut belum termasuk peruntukan yang disediakan di bawah kawalan Kementerian Kewangan bagi membiayai

Laporan : Noraisah Muhammed
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad

perbelanjaan penghantaran pesakit untuk menjalani rawatan di The Brunei Cancer Centre (TBCC), Brunei Neuroscience, Stroke & Rehabilitation Centre (BNSRC) dan di Pusat Jantung Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (GJPMC).

Ini menandakan betapa tidak sihatnya rakyat dan penduduk di negara ini, keadaan ini sesungguhnya adalah tidak *sustainable* bukan sahaja dari aspek kos pembiayaan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat malahan yang lebih penting lagi adalah dari segi impaknya pada produktiviti negara.

Dari sudut yang lain, belanjawan bagi membiayai program-program pencegahan termasuk Penjagaan Kesihatan Asasi hanya diperuntukkan sebanyak kira 14 peratus, yang mana adalah jauh lebih rendah dan dalam masa yang sama memberikan impak yang lebih besar.

Dalam hubungan tersebut, alangkah lebih baik jika kita memberikan lebih fokus pada mempertingkatkan gaya hidup sihat dan pencegahan penyakit dalam memastikan rakyat dan penduduk

akan terus sihat dalam tempoh yang lebih panjang.

Sebahagian dari impian tersebut telah menjadi kenyataan, di mana orang kitani sudah makin banyak melakukan aktiviti riadah, berlari, senamrobik, berjalan selepas Subuh atau selepas kerja, berbasikal dan sebagainya.

Terbukti dari kajian National Non-Communicable Diseases (NNCD) Steps Survey 2016, di mana peratus orang dewasa di negara ini yang aktif secara fizikal (*physically active*) telah meningkat daripada 65 peratus pada tahun 2011 menjadi 75 peratus pada tahun 2016.

Lebih ketara lagi pada setiap pagi Ahad, di mana ahli-ahli keluarga dan individu beramai-ramai memeriahkan Program Bandarku Ceria.

Program berkenaan berhasrat bukan sahaja untuk mewujudkan gaya hidup sihat malahan membantu mengukuhkan institusi kekeluargaan dan memeriahkan lagi Bandar Seri Begawan serta menyediakan platform bagi pembangunan usahawan-usahawan baharu di negara ini. Perkara ini adalah satu perkembangan positif yang perlu kita pertingkatkan lagi.



Yang Berhormat juga menyentuh mengenai program Bandarku Ceria yang merupakan satu contoh baik, di mana pendekatan secara *whole of nation* bahkan *whole of society* adalah lebih berkesan dan *sustainable*. Pihak kerajaan hanya memainkan peranan sebagai pemudahcara (*facilitator*), manakala individu, persatuan dan kumpulan-kumpulan yang berkenaan adalah peneraju (*driver*) sebenar dalam memastikan Bandarku Ceria ini sentiasa hidup dan meriah di setiap hari Ahad.

Apa yang lebih menggembirakan lagi ialah ada sudah kedengaran permintaan orang ramai bagi program Bandarku Ceria ini dilaratkan lagi ke setiap daerah di negara ini. Inilah yang kita mahukan, di mana inisiatif positif seperti ini menjadi tanggungjawab semua, tambah Yang Berhormat.

Rakyat dan penduduk perlu berubah demi kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi dalam mukadimah penerangan mengenai tumpuan dan fokus utama Kementerian Kesihatan bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018, Wawasan 2035 hanya akan dapat direalisasikan dengan komitmen jitu daripada kesemua lapisan masyarakat di negara ini.

Yang Berhormat menjelaskan hal itu pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari kelapan, di sebelah petang.

Perubahan perlu bermula dari dalam diri kita sendiri katanya, ia memerlukan kita sentiasa bersedia untuk berubah, bersikap proaktif, tidak berpaut pada cara lama dalam menghadapi cabaran-cabaran dan bersedia melakukan perubahan minda.

"Cabaran untuk mengubah cara pemilihan dan kadar pengambilan makanan adalah masalah terbesar yang kita hadapi di negara ini. Seseorang yang sudah rajin melakukan latihan jasmani tidak semestinya bererti beliau mampu mengawal gaya pemakanannya," ujarnya.

Dalam pada itu tambahnya, seseorang yang telah dijangkiti penyakit kronik seperti penyakit jantung dan kencing manis, belum setentunya akan membuatkan dirinya insaf dan sedar untuk mengubah gaya hidup dan pemakanan beliau, umpamanya, mula bersenam dan

berhenti merokok.

Peranan persekitaran dan rakan-rakan sekeliling mempunyai pengaruh besar dalam menentukan sama ada seseorang itu dapat mengubah cara hidup dan pemakanan beliau.

"Oleh itu kaedah kefahaman tingkah laku adalah menarik untuk digunakan. Sebagai contoh, penyediaan pilihan secara tersedia akan mempengaruhi kelakuan ataupun keputusan tindak-tanduk seseorang. Penyediaan hanya buah-buahan, kopi tanpa gula ataupun air semasa mesyuarat sudah setentunya akan secara automatik memberikan pilihan sihat kepada yang hadir," katanya.

Begitu juga penutupan lif akan membiasakan penghuni bangunan untuk menaiki tangga. Dalam erti kata lain, usaha untuk mempengaruhi kelakuan seseorang itu akan memerlukan penyediaan pilihan dan persekitaran yang mudah, menarik, sosial dan tepat pada masanya.

Apabila kesihatan dibudayakan, semua aspek kehidupan akan memastikan kesihatan sentiasa diutamakan baik dari segi pemakanan, persekitaran, pendidikan, perkerjaan mau pun pergaulan.

Setiap individu, masyarakat, agensi kerajaan dan swasta akan memainkan peranan masing-masing, di mana apa jua tindakan dan dasar akan dibuat demi memastikan kesihatan serta gaya hidup sihat akan dapat dipupuk bersama.

Kementerian Kesihatan menyambut baik langkah Kementerian Kewangan dalam

mengenakan cukai eksais ke atas produk-produk makanan yang mengandungi kandungan gula yang tinggi dan Monosodium Glutamate (MSG) bagi mengawal penggunaannya dan meningkatkan gaya budaya hidup sihat.

Pengenaan cukai ke atas makanan dan minuman yang manis adalah satu intervensi yang telah terbukti sepertimana jua yang telah dapat dilihat di Mexico dan California, Amerika Syarikat, di mana penaikan kadar cukai ke atas minuman manis telah menunjukkan penurunan pembelian minuman manis dan pada masa yang sama pembelian air botol pula telah meningkat.

"Sebahagian daripada impian untuk melihat orang kitani semakin bertambah aktif beriadah dan bersukan telah hampir menjadi kenyataan. Alangkah indahnya jika budaya kesihatan menjadi amalan di negara kita. Di samping giat bersenam kita juga mengambil berat terhadap pemakanan kitani. Impian untuk melihat restoran-restoran mahu pun majlis kenduri menghidangkan juadah atau menu pilihan sihat dengan membanyakkan pilihan sayur dan buah-buahan berbanding yang lain masih belum tercapai," tegasnya.

Kita masih mempunyai cabaran dalam mengubah persepsi masyarakat bahawa makanan sihat adalah lebih mahal dan tidak mudah diperoleh. Jika impian ini menjadi kenyataan, sudah setentunya generasi kitani, aset negara yang paling utama, akan dapat hidup dengan sihat dan sejahtera.



PARA pegawai kerajaan dan swasta yang hadir pada Majlis Mesyuarat Negara.

Seterusnya Yang Berhormat berharap agar apa yang dikongsikan di sini akan dapat sedikit sebanyak memberikan kefahaman kepada kita semua selaku rakyat dan penduduk di negara ini dalam menjadikan kesihatan sebagai tanggungjawab bersama.

Impak yang dihasilkan jika usaha-usaha itu datang dari peringkat akar umbi adalah lebih signifikan, dalam erti kata lain, kita mestilah mengambil pendekatan *inverting the pyramid* dan memperkukuhkan penglibatan masyarakat, di mana kita semua sebagai individu memainkan peranan penting dalam membawa lebih banyak pemikiran kreatif dan penyelesaian yang lebih

sustainable bagi merealisasikan visi Bersama Ke Arah Warga Sihat dan untuk kita sama-sama mencapai hasrat Wawasan 2035.

Yang Berhormat juga menekankan kesihatan yang baik akan menjurus pada peningkatan produktiviti individu mahu pun negara ke arah kesejahteraan sosioekonomi yang mampan.

Dengan ini, Kementerian Kesihatan menyokong penuh tema belanjawan tahun 2017, iaitu 'Belanjawan Seimbang bagi Mendukung Pertumbuhan Ekonomi yang Mampan dan segala usaha yang dilaksanakan adalah mendukung dan sejajar dengan fokus utama belanjawan.

Rangka pendekatan baharu kurangkan bergantung pada bantuan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Majlis Kebangsaan Isu-Isu Sosial sedang merangka satu pendekatan baharu untuk menangani isu *able bodied* dan *able to walk* serta bagaimana mengurangkan daripada kebergantungannya pada bantuan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyarankan

Yang Berhormat selaku pengulu dan ketua kampung akan memainkan peranan-peranan utamanya jua apabila perkara itu akan dilaksanakan nanti dan penyelesaiannya tidaklah dapat kita janjikan juga serta-merta dan memerlukan komitmen berbagai-bagai pihak dan lebih-lebih lagi sekarang kita menggunakan pendekatan *Whole of Nations* ataupun *Whole of Government*.

Perkara ini dijelaskan oleh Yang Berhormat ketika menjawab isu

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berpendapat cadangan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab untuk mencungkil ataupun mencari kebolehan golongan para penerima agar mereka dapat berdikari, memang baik dan usaha untuk mengeluarkan mereka daripada tergolong dari golongan yang menerima BKB itu adalah sesuatu yang aktif dan namun demikian ada juga beberapa cabaran yang dihadapi memerlukan komitmen daripada pihak-pihak kepimpinan akar umbi khususnya dan juga pimpinan keluarga amnya.

Ketika menyentuh mengenai Hari Keluarga Kebangsaan, Yang Berhormat menjelaskan, ia berperanan jua untuk tidak mengabaikan golongan yang tua ataupun ibu bapa dan juga kepada golongan anak-anak muda yang akan menjadi remaja, belia dan seterusnya dewasa dengan memerlukan pendekatan baharu,

perkara ini dengan kerjasama daripada berbagai-bagai pihak berkepentingan nanti akan dapat kita atasi walaupun tidak secar sesegeranya.

Mengenai cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim mengenai hasil-hasil karya penulis-penulis tempatan untuk ditempatkan di ruang khusus kedai-kedai buku swasta, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan, Dewan Bahasa dan Pustaka dan KKBS umumnya memang membantu untuk memasarkan hasil-hasil karya ini.

Yang Berhormat menambah, setiap kali Pesta Buku diadakan, setiap hasil buku anak tempatan ini diberikan ruang-ruang khusus dan diberikan pengenalan-pengenalan tertentu malah kadangkala menjemput penulis-penulis itu sendiri dan beberapa kegiatan-kegiatan lain pun dalam pembahagian buku-buku kepada perpustakaan-perpustakaan dan juga termasuk Pusat Masyarakat Bestari yang baharu ini bahawa semua hasil



karya tempatan ini diberikan tempat atau ruang yang khusus.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menjawab mengenai undangan individu ataupun penulis-penulis secara peribadi dari mereka yang berkhidmat di luar negara, agar badan-badan ini akan menghubungi pihak-pihak tertentu dalam kerajaan khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka dan terus kepada kementerian jika dirasakan susah untuk menunaikannya.

Jadi walau bagaimanapun tambahnya, sistem atau komunikasi dua hala adalah berkepentingan walaupun adakalanya dari segi keutamaan tidaklah menjanjikan semua perlu diberikan bantuan.



YANG Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dari segi dasar, Majlis Belia-Belia Brunei dan Persatuan Belia juga memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkasa pergerakan belia dalam Brunei Darussalam.

Ke arah memperkasa pergerakan belia jelas Yang Berhormat, KKBS melalui Jabatan Belia dan Sukan telah merancang beberapa program dan aktiviti kebeliaan termasuk beberapa kursus akan diadakan bagi membantu persatuan-persatuan dalam meningkatkan kemahiran, dalam mengendalikan pejabat dan dalam mengendalikan acara-acara dan riadah.

Salah satu yang ingin Yang

Mantapkan jati diri pemimpin belia

Berhormat kongsi ialah Program Kepimpinan Kebangsaan bagi persatuan-persatuan belia akan diadakan di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) yang bertujuan memantapkan lagi jati diri pada pemimpin belia yang muda.

Perkara demikian dijelaskan oleh Yang Berhormat ketika menjawab persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai pembangunan masyarakat pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Mengenai hasrat Hari Sukan Kebangsaan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata, sepanjang tahun 2016 dan suku tahun ini dipenuhi dengan acara-acara sukan anjuran kerajaan, persatuan dan badan-badan sukan, kelab individu yang disertai oleh puluhan ribu peserta.

"Program Bandarku Ceria banyak membantu sebagai platform atau landasan orang ramai untuk sama-sama bergiat dalam bersukan. Dari satu sudut, jasa dan khidmat bakti ahli-ahli sukan yang berjaya mengharumkan nama negara terpahat sebenarnya ada di Hall of Fame Gallery sukan Negara Brunei Darussalam. Galeri sukan ditempatkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Kerajaan telah menyediakan ganjaran kemenangan kepada persatuan sukan atlet termasuk jurulatih kerana memungut beberapa pingat bagi acara bagi standard yang tertentu. Kejayaan atlet-atlet sukan juga diraikan dalam sambutan-sambutan kepulauan

mereka setelah bertanding," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, saranan dari Yang Berhormat Awang Iswandy itu adalah menarik dan merupakan prospektif yang baharu ke arah mempertingkatkan kesedaran terhadap kebaikan dalam mengamalkan sukan mahupun langkah proaktif dalam proses transformasi menjadikan Negara Brunei Darussalam seluruh negara bersukan ataupun *sporting nation*.

Ketika menjawab mengenai e-Library, Yang Berhormat berkata, projek ini melibatkan sejumlah 14 buah *library* atau perpustakaan iaitu sembilan buah cawangan Dewan Bahasa dan Pustaka dan lima buah lagi dari perpustakaan dan

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

kementerian dan jabatan-jabatan yang lain termasuk Perpustakaan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Perpustakaan Pusat Sejarah, Perpustakaan Peguam Negara, Perpustakaan Muzium-Muzium Brunei dan Perpustakaan Pusat Da'wah Islamiah.

"Projek ini siap sepenuhnya pada 30 Mac 2016 yang lalu dan sekarang sedang menjalani tempoh pemeliharaan bermula 1 April 2017 hingga 30 Mac 2021," ujar Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, fungsi e-Library adalah Memudahkan pengguna untuk mencari bahan dan rujukan yang terdapat di perpustakaan yang ikut dalam projek seperti mempercepatkan proses peminjaman, pemulangan, pendaftaran ahli dan katalogan; Sistem peminjaman dan pemulangan e-Library termasuklah penyediaan peti pemulangan atau *book drop*; dan Menyediakan kemudahan penggunaan iPad sebanyak 100 unit untuk pengunjung perpustakaan.



SEBAHAGIAN daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan yang hadir pada persidangan tersebut.

KKBS susun keutamaan pelaksanaan projek 4K

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah diperuntukkan belanjawan sebanyak BND76,336,470 bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof dalam mukadimahnyanya pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menjelaskan, peruntukan belanjawan itu adalah bagi meneruskan pelaksanaan bidang tugas kementerian dengan wawasannya sebagai perencana terbaik 'Bangsa Brunei Yang Cemerlang'.

Menurut Yang Berhormat, KKBS dan jabatan-jabatannya akan mengoptimalkan cadangan peruntukan perbelanjaan biasa dalam mendukung program-program utama atau teras masing-masing.

Perkara tersebut termasuk bagi Sambutan Hari Kebangsaan, Program Khidmat Bakti Negara, Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan, Program Memperkasa Komuniti, Latihan Kemahiran di Pusat Pembangunan Belia, Program Belia Berdikari, Sambutan Hari Belia Kebangsaan, Outward Bound Brunei Darussalam, Sukan

Untuk Semua, Sukan Prestasi Tinggi, Promosi Kebudayaan dan Kesenian, Bulan Bahasa dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca, Mempromosi Sejarah dan Warisan, Kemajuan Sumber Manusia dan Hubungan Antarabangsa.

Bagi Tahun Kewangan 2017 / 2018, KKBS akan mengutamakan mekanisme berbilang peringkat untuk konsultasi, menyelaras, memantau dan menilai program secara lebih bekerjasama dengan kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, pertubuhan bukan kerajaan dan swasta untuk keberhasilan yang lebih tinggi.

Jelas Yang Berhormat lagi, pada Tahun Kewangan yang akan datang, KKBS menyusun keutamaan-keutamaan pelaksanaan program dan projek empat bidang tugasnya atau 4K, iaitu Kebudayaan, Kebelaaan, Kesukanan dan Kemasyarakatan.

Pada melestari Kebudayaan, KKBS akan terus memelihara, menjaga budaya, sejarah dan warisan bangsa sebagai tunjang perpaduan dan identiti bangsa yang mempunyai tamadun tinggi dan gemilang.

Sehubungan itu, KKBS akan memperbanyakkan outreach kepada golongan pelajar dan siswa supaya unsur-unsur budaya, kesenian Sastera dan bahasa Melayu diterapkan sebaik-baiknya dalam pendidikan.

Dalam bidang Kebelaaan, KKBS akan menumpukan dari segi membangun dan meningkatkan jati diri belia agar mereka lebih berdikari dan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara, dengan mengadakan lebih banyak program-program mendampingi belia.

"Engagement dengan seramai mungkin belia melalui persatuan-persatuan yang mereka anggotai, Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Jawatankuasa-Jawatankuasa Takmir Masjid, sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi adalah semata-mata untuk mendapatkan aspirasi belia," jelas Yang Berhormat.

Sementara dalam bidang Kesukanan, dari segi aspek menyediakan prasarana sukan dan riadah ke arah masyarakat yang sihat dan cerdas, dan juga meningkatkan kecemerlangan sukan, KKBS akan mempromosi sukan yang menyumbang kepada tahap kecergasan, perpaduan dan daya saing, iaitu sukan untuk masyarakat yang melibatkan kegiatan fizikal yang merangkumi segala aktiviti sukan, permainan tradisional dan rekreasi dengan penyertaan yang lebih baik dan luas dalam kalangan masyarakat umum.

Ke arah itu, KKBS akan mempromosi sukan berbasikal, berkayuh dan bertarik kalat sebagai sebahagian sukan untuk masyarakat selain acara-acara sukan untuk masyarakat yang konvensional seperti berjalan kaki, larian, senamrobik dan seumpamanya.

Bagi sukan untuk kecemerlangan,



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

KKBS akan terus menyediakan sistem perkhidmatan yang dapat membina sumber tenaga pakar yang khusus untuk pembangunan atlet, jurulatih, pentadbir dan pegawai sukan di samping usaha-usaha membangun kumpulan atlet negara melalui mengenal pasti bakat, sains, sukan, skim penggalak kecemerlangan sukan dan akademi sukan.

Manakala dalam bidang Kemasyarakatan, dari aspek memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk serta mengukuhkan institusi keluarga ke arah mewujudkan perpaduan dan keamanan, KKBS akan memastikan kapasiti pelaksana



perkhidmatan-perkhidmatan sosial ditangani dari semua aspek agar lebih berkesan.

Terdahulu dalam mukadimahnyanya, Yang Berhormat berkata, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada pembukaan Musim Permesyuaratan Ke-13 MMN telah mendorong KKBS untuk melakar program yang berimpak tinggi dalam bidang yang dipikulkan ke atasnya, iaitu membangun belia dengan Program Pembangunan Belia yang berkesan, mengekalkan identiti dan warisan bangsa melalui promosi kebudayaan dan kesenian, memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk melalui program jaminan sosial dan menggalakkan pengamalan gaya hidup cergas menjurus kepada peningkatan kecemerlangan sukan menerusi program pembangunan sukan untuk semua dan sukan untuk kecemerlangan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Awang Haji Sabtu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) merancang untuk mengimplementasi obligasi-obligasi yang telah dipersetujui di bawah Convention on the Rights of Person With Disabilities (CRPD) berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan kapasiti sumber masa ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata, pelaksanaan itu akan dirancang melalui sebuah Pelan Tindakan Kebangsaan yang realistik dengan penglibatan dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan termasuk agensi-agensi kerajaan pihak swasta, organisasi-organisasi yang

Pelaksanaan Akta OKU, OBK

Laporan : Saerah Haji Abd Ghani
Foto : Hamzah Mohidin, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

bukan kerajaan atau NGO's dan juga masyarakat umum melalui kaedah Whole of Nation Approach.

Menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-13 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengenai perancangan pihak kementerian bagi pelaksanaan Akta Orang-Orang Kurang Upaya (OKU) dan Berkeperluan Khas atau Disability Act bagi Negara Brunei Darussalam.

Menurut Yang Berhormat, Pelan Tindakan ini akan diselenggarakan dengan strategi jaminan sosial di bawah Wawasan Brunei 2035 dan pelaksanaannya akan dipantau melalui Jawatankuasa Khas Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas (OBK).

Yang Berhormat menambah, bagi menguatkuasakan pelaksanaan obligasi di negara di bawah CRPD draf perintah OKU sedang dalam proses penggubalan di mana perintah mengandungi peruntukan utama seperti Lantikan sebuah pertubuhan bebas (independent body) untuk membantu kerajaan dalam mengimplementasikan kehendak-kehendak CRPD; Pendaftaran-pendaftaran bagi orang-orang kurang upaya

termasuk melantik Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar dan; Pengeluaran Kad Kurang Upaya kepada OKU dan kesalahan kesalahan spesifik terhadap golongan OKU berserta hukuman ataupun denda terhadap kesalahan-kesalahan ini.

Memandangkan penguatkuasaan pindaan ini akan melibatkan dan memberi impak kepada pelbagai pihak jelas Yang Berhormat, draf perintah OKU ini masih dalam proses penelitian dan pengemaskinian.

"KKBS akan meneruskan konsultasi dengan pihak-pihak berkenaan bagi memastikan peruntukan yang dicadangkan mengambil kira keperluan dan kepentingan dengan pihak-pihak yang terlibat," ujar Yang Berhormat.

Ketika menjawab soalan mengenai Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Yang Berhormat berkata, PKWE

termasuk dalam salah satu strategi Pelan Tindakan Warga Emas iaitu menentukan mengenai keperluan warga emas untuk terus menikmati kehidupan yang aktif dan dapat melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti dan riadah.

Pada awal penubuhannya, jelas Yang Berhormat, PKWE kebanyakannya aktiviti hanya diadakan di dalam premis pusat berkenaan dan akhir-akhir ini, kegiatan aktiviti telah dilaratkan di luar premis tersebut.

"Setakat ini program-program dan aktiviti-aktiviti yang telah dipilih dirancang secara keseluruhannya berjalan dengan baik dan mendapat sambutan ahli-ahli berkenaan. Kalau kaola tidak silap di Berakas, ahlinya saja sudah mencapai lebih 250 orang. Dalam hal ini, pelaksanaan program dan aktiviti yang baik itu menunjukkan kepimpinan jawatankuasa tadbir yang dilantik, juga komitmen ahli PKWE dalam ikut penyertaan program dan aktiviti," ujarnya.



SEBAHAGIAN mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang hadir pada persidangan tersebut.

Setakat ini, kementerian belum membuat sebarang kajian secara formal dan terperinci bagi mengukur akan keberkesanan program dan aktiviti yang diadakan atau dilaksanakan di pusat ini.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Berhormat, pihak kementerian lazimnya membuat pendekatan secara informal atau verbal seperti bertanya status dan perkembangan pentadbiran dan pelaksanaan pusat berkenaan selain adanya sesi perjumpaan dan lawatan bagi membincangkan hal-hal berkaitan PKWE.

Jelas Yang Berhormat, hasil pendekatan ini pihak KKBS mengambil maklum bahawa pihak mereka komited dan mampu menjalankan aktiviti yang mereka rancang sama ada aktiviti harian yang dibuat secara berjadual atau aktiviti tambahan secara berkala dan adalah dihasratkan agar penyertaan dan penglibatan warga emas di pusat itu akan dapat ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

KKBS katanya, telah melarutkan PKWE ini di Daerah Tutong manakala perancangan untuk menubuhkan di daerah lain memerlukan penelitian dan perbincangan yang lanjut khususnya untuk mengenal pasti kesesuaian tapak lain untuk pusat berkenaan dan hal lain perkara yang berkaitan.

Kata Yang Berhormat lagi, jauh ke hadapan pusat itu boleh digabung sama dengan Pusat Masyarakat Bestari ataupun Mukim Buku dan menyarankan kepada pihak Ahli-Ahli Yang Berhormat, penghulu dan ketua kampung untuk melihat dari sekarang sama ada mukim itu perlu mengadakan secara peringkat awal dan melihat sendiri perkembangannya untuk disampaikan kepada KKBS pelaksanaannya secara menyeluruh.

Tingkatkan kesedaran terhadap penjagaan kesihatan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi berkata, kesihatan merupakan tanggungjawab kita semua dan adanya peningkatan kesedaran mengenai kesihatan di Negara Brunei Darussalam dalam lima tahun kebelakangan ini.

Semasa mengongsikan data aktiviti fizikal di negara ini, Yang Berhormat menyatakan terdapatnya peningkatan sebanyak 75 peratus orang dewasa yang giat melakukan aktiviti fizikal pada tahun lepas berbanding hanya 65 peratus pada tahun 2011, yang mana ini adalah satu indikator yang baik untuk membuktikan bahawa kegiatan fizikal dilakukan untuk kesihatan.

"Kalau dilihat, bukan sahaja Bandarku Ceria, tetapi hari-hari, pagi selepas subuh sudah ada orang berjalan, dan pada masa sekarang di Padang Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan pada sebelah petang selepas waktu bekerja sudah mula banyak orang berlari, berbasikal dan sebagainya. Dan ini sudah tentu

meningkatkan kesedaran mereka. Cuma satu saja lagi, yang masih membimbangkan adalah pemakanan kita, kerana pemakanan adalah hampir 80 peratus daripada apa yang akan jadi kepada diri kita," ujar Yang Berhormat pada sesi temu bual sejurus berakhirnya Mesyuarat Pertama dari Musim Mesyuarat Negara (MMN) hari ini yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, aktiviti fizikal memang bagus, walaupun kita sentiasa bersenam dan erobik, tetapi jika kita masih makan makanan yang tidak sihat, makan yang tinggi gula dan tinggi garam, ini membimbangkan dan membuat kita senang mengidap penyakit darah tinggi.

"Saya ingin mengajak semua orang untuk sama-sama memahami isu sebenar, kalau kita sudah faham apa isunya, kita akan cuba sedaya upaya memastikan pemakanan kita terkawal. Bukan semestinya kita tidak makan sesuatu itu, tetapi haruslah ada hadnya," ujar Yang Berhormat lagi.

Menteri kesihatan juga menasihatkan orang ramai untuk makan dalam sehari sekurang-kurangnya lima *portion* yang terdiri daripada sayur-sayuran dan buah-buahan dan selebihnya karbohidrat, protein dan sebagainya, di samping mengingatkan orang ramai untuk berhenti makan sebelum kenyang kerana 1 per 3 untuk minuman, 1 per 3 untuk makanan dan 1 per 3 lagi untuk pernafasan.

Menyentuh mengenai makanan yang dijual semasa Bandarku Ceria, Yang Berhormat menjelaskan, makanan-makanan yang dijual dipantau oleh pihak kerajaan, di samping pihak kerajaan juga memberi nasihat dan mana-mana yang dirasa kurang memuaskan dari segi perlunya bantuan bimbingan, pihak kerajaan akan mempelawa mereka, di mana ada unit-unit yang tertentu menjalankan kursus-kursus dan bengkel *food safety*, *food hygiene* dan sebagainya.

Menurut Yang Berhormat, apa yang penting kita harus menerapkan kepada setiap individu akan kepentingan makanan sihat dan keselamatan dalam menyediakan makanan.

Jika kita lihat kenapa Bandarku Ceria itu berjaya kata Yang Berhormat, ia bukan kerana kerajaan sahaja, tetapi kerana setiap individu

masyarakat kita sendiri.

Ketika memperkatakan mengenai kajian kanak-kanak yang kurang melakukan kegiatan aktiviti fizikal, Yang Berhormat menjelaskan, kaedah yang diambil oleh kementerian adalah memastikan apa pun yang kita rencanakan baik untuk orang dewasa dan kanak-kanak haruslah senang, menarik, sosial dan tepat pada masanya.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai kemudahan dalam pemberian *breast pump* dan lampin bagi ibu-ibu yang melahirkan anak.

"Kita harus menjunjung kasih ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan baginda untuk memberi kemudahan bagi ibu-ibu yang melahirkan anak. Jika kita fikirkan pandangan Kebawah DYMM itu amatlah jauh, yang memikirkan kesejahteraan rakyat," ujar Yang Berhormat.

Dengan usaha ini, Yang Berhormat percaya ini akan memastikan yang mereka terjaga dari segi kesejahteraan, pemakanan dan sebagainya dan mengapa kita memilih *breast pump* kerana susu ibu mendatangkan manfaat bagi tiga peringkat pada anak damit dari segi *immunity*, pertumbuhan, mengurangkan kes-kes jangkitan seperti demam, selesema,



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

masalah telinga dan sebagainya termasuk ibu-ibu yang menyusukan juga mendapat manfaatnya dari segi mengembalikan berat badan mereka dan sebagainya.

Yang Berhormat berkata, bagi ibu dan penjaga penyusuan susu ibu dapat menolong mengurangkan dari segi perbelanjaan yang banyak untuk membeli susu formula yang mungkin membebankan, apatah lagi bagi yang kurang mampu.

Di peringkat masyarakat jelas Yang Berhormat, ia sangat bagus kerana jika kanak-kanak ini dapat dijalin kesihatannya, masa depannya, dari segi isu-isu penyakit kronik akan berkurangan serta ia juga akan mengurangkan obesiti. Dalam hal ini tambahnya, beban kepada masyarakat, kerajaan dan negara juga akan berkurangan.

Atur program bermanfaat semasa cuti sekolah

LUMUT, Khamis, 16 Mac. - Jabatan Pengajian Islam Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Sekolah Ugama menganjurkan Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab berlangsung di Sekolah Ugama Lumut, di sini.

Acara dimulakan dengan persembahan tausyeh dipimpin oleh murid-murid Darjah IV, V dan VI, sementara Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Zulhilmi bin Hairul Anwar.

Sementara itu, Dayang Nurul Sayirah binti Abdullah Jenia dalam tazkirahnya menasihatkan para pelajar agar menggunakan masa dengan bijak semasa cuti sekolah dengan mengatur program-program yang bermanfaat bersama-sama dengan ibu bapa dan mengambil peluang membuat persediaan awal sebelum tiba hari peperiksaan.

Murid-murid dan pelajar-pelajar katanya, perlulah mengambil peluang masa percutian sekolah dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat kepada diri

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

pelajar dan tidak terjebak dengan aktiviti sosial yang merosakkan akhlak dan juga membuang masa.

Pelita Brunei menemu bual Guru Besar Sekolah Ugama Lumut, Dayang Zalefah binti Asmat dan beliau berkata, program seumpama itu diharap akan dapat diteruskan memandangkan ia banyak memberikan kebaikan dan mendedahkan para pelajar pada beberapa aktiviti yang menjurus ke arah penerapan akhlak murni serta diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan kemasyarakatan.

Sementara itu, salah seorang pelajar Darjah VI, Awang Mohd. Shahadi bin Mohd. Idris berpendapat, program itu telah banyak memberi motivasi berkesan pada akhlak dalam kalangan sesama pelajar dan berharap program itu akan terus diadakan sebagai salah satu peringatan buat mereka membetulkan diri.

Tema program keagamaan kali ini memberikan murid-murid dan pelajar-pelajar kefahaman mengenai



GURU Besar Sekolah Ugama Lumut, Dayang Zalefah binti Asmat semasa ditemu bual.

dengan peranan pelajar dalam memanfaatkan cuti sekolah dengan aktiviti-aktiviti yang sangat berguna dan tidak membuang masa begitu sahaja.

Selain itu juga, murid-murid dan pelajar-pelajar disarankan untuk membuat aktiviti-aktiviti yang bermanfaat seperti menyertai Kem Belia Masjid dan Kem Motivasi, bersukan, menghadiri kelas bahasa, melawat datuk dan nenek di kampung, melakukan kerja-kerja amal, melancong, belajar menggunakan teknologi dan belajar berniaga.



AWANG Mohd. Shahadi bin Mohd. Idris, pelajar Darjah VI semasa ditemu bual.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff (kiri) semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta kursus.

Lengkapkan bakal jemaah haji ilmu pengetahuan

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Bakal jemaah haji seharusnya dibekalkan ilmu pengetahuan yang cukup tentang pelaksanaan ibadat demi mencapai tujuan dan objektif ke arah memperoleh haji yang mabrur.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusoff berucap demikian pada Majlis Penutup Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Ke-26 Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi berlangsung di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan KHEU, Bandar Seri Begawan, di sini.

Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz berharap agar para peserta muzakarah itu akan dapat memanfaatkan maklumat-maklumat berkaitan dengan kesempurnaan di dalam menunaikan ibadat haji yang dikongsikan melalui pembentangan kertas kerja untuk dijadikan panduan.

Panduan tersebut jelasnya, akan dapat dikongsi sama kepada para bakal jemaah haji nanti supaya maklumat-maklumat yang diberikan tersebut adalah selaras dan menepati dengan hukum-hukum berlandaskan Ahli Sunnah Waljamaah serta yang diguna pakai di negara ini demi mengelakkan sebarang kekeliruan.

Pembentangan resolusi juga disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdul Rahman bin Matzin.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Harun bin Junid; Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah; Pemangku Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Mohamad, selaku Pengerusi Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Ke-26 serta pengarah-pengarah, penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan KHEU.



ANTARA pelajar Darjah IV, V dan VI Sekolah Ugama Lumut yang hadir pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab.

Bekalan ilmu penting sebelum melaksanakan ibadah haji

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Mahirah binti Haji Mohd Raduan
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Persiapan serta bekalan ilmu sebelum melaksanakan ibadah haji adalah amat penting untuk didalami, difahami serta dihayati sesempurnanya, yang termasuk juga persiapan dari segi kekuatan mental, fizikal dan rohani.

Ini kerana melaksanakan atau mengerjakan ibadah haji bukanlah suatu perkara yang boleh dipandang ringan dan diambil mudah kerana di dalam melaksanakan ibadah ini, memerlukan ketelitian dan kepekaan disebabkan suasana, cabaran dan dugaan di sepanjang mengerjakan ibadah ini lebih bersifat sukar untuk dijangkakan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menegaskan perkara

tersebut dalam ucapannya pada Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi Kali Ke-26, berlangsung di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini.

Yang Mulia Dato Paduka seterusnya menjelaskan, Jabatan Urusan Haji, KHEU mengunkayahkan majlis seumpama ini setiap tahun dan antara tujuannya adalah bagi memastikan guru-guru pengkursus ibadat haji yang akan dilantik nanti benar-benar bersedia untuk menyampaikan ilmu manasik haji dan hukum-hukum dalam pelaksanaannya kepada bakal jemaah haji negara kita.

Di samping itu tambahnya, tujuan majlis ini juga adalah bagi menyalurkan serta berkongsi maklumat-maklumat terkini mengenai

haji dan pengurusan perjalanannya dan juga keadaan-keadaan semasa di Tanah Suci seperti di Masjidil Haram, Masjid Nabawi dan di Masyaer (Arafah dan Mina).

Usaha Jabatan Urusan Haji itu jelas Yang Mulia Dato Paduka sangat tepat bagi memastikan hasrat dan keazaman yang tersemat dalam diri setiap bakal jemaah haji untuk menunaikan dan mengerjakan ibadah haji dengan sempurna akan dapat dilaksanakan dan dicapai.

Kesempatan atau peluang menunaikan fardu haji pada tahun-tahun kebelakangan ini ujar Dato Paduka, bolehlah dikatakan agak sukar dan 'terhad', khususnya disebabkan oleh kos perbelanjaan haji yang semakin meningkat dari tahun ke tahun, dan juga disebabkan oleh jumlah kouta haji bagi negara yang telah ditetapkan agak terhad dan berkemungkinan saja para jemaah haji negara ini akan dapat menunaikan fardu haji hanya sekali seumur hidup.

Justeru itu, Dato Paduka menyeru guru-guru pengkursus agar mengikuti

muzakarah yang diadakan ini dengan semaksimanya agar setiap ilmu yang dikongsikan dan permasalahan yang dibangkitkan dapat difahami dengan baik dan empurna.

Sementara dalam menjalankan tugas sebagai Guru Pengkursus setentunya akan diajukan dengan pelbagai permasalahan atau persoalan oleh bakal jemaah haji kita.

Sehubungan dengan itu, Yang Mulia Dato Paduka menyarankan agar setiap persoalan dan permasalahan tersebut dirujuk terlebih dahulu kepada mereka yang lebih arif atau kitab-kitab yang menjadi asas dan sandaran umum di Negara Brunei Darussalam seperti buku-buku fatwa dan irsyad yang diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam atau buku-buku terbitan jabatan-jabatan di bawah KHEU agar apa yang disampaikan selaras dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada bakal jemaah haji negara kita.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud ketika memberikan ucapan pada Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi Kali Ke-26.

Guru pengkursus berperanan utama kesempurnaan bakal jemaah haji

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Seramai 112 orang peserta menghadiri sesi Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi Kali Ke-26 yang di hasrat sebagai melengkapkan dan

mempersiapkan diri guru-guru pengkursus dengan ilmu-ilmu ibadat haji dan bimbingan haji.

Muzakarah selama sehari itu disertai oleh guru-guru pengkursus ibadat haji dan guru-guru penyelia sekolah agama, pegawai-pegawai daripada

jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), institusi-institusi pengajian di bawah KHEU (Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan - KUPU SB) dan Kementerian Pendidikan (Universiti Islam Sultan Sharif Ali - UNISSA), Pegawai-Pegawai Perubatan Haji daripada Kementerian Kesihatan, para pegawai dari Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan pegawai-pegawai syarikat pengendali haji.

Sehubungan itu, Majlis perasmian muzakarah berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud, berlangsung di Dewan Multaqa, Lantai Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, di sini.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad, selaku Pengerusi majlis menjelaskan bahawa guru-guru pengkursus sebagai salah satu pihak yang memainkan peranan utama dalam kesempurnaan para bakal jemaah haji, melaksanakan manasik haji menepati kehendak-kehendak syara' yang ditetapkan sehingga meraih haji yang mabrur.

Menurutnya, walaupun pekerjaan ibadah haji ini hanya sekali dalam setiap tahun, namun tugas dan tanggungjawabnya adalah sangat besar dan penuh cabaran yang perlu ditangani dan dihadapi dengan penuh komitmen dan kerjasama padu dari semua pihak yang berkepentingan supaya pengurusan dan persiapan para bakal jemaah haji negara ini berjalan dengan teratur dan sempurna.

Beliau juga menjelaskan bahawa Jabatan Urusan Haji pada setiap tahun akan sentiasa mempertingkatkan perkhidmatan dan memeduli keperluan bakal-bakal jemaah haji khususnya dalam memberikan kursus dan pengetahuan tentang ilmu-ilmu manasik haji.

Justeru itu tambahnya, pada tahun ini Jabatan Urusan Haji akan membuat perjumpaan bersama tenaga-tenaga



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (lapan, kanan) semasa hadir pada Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi Kali Ke-26.

pengkursus yang akan dilantik pada tahun 1438H / 2017M ini bagi tujuan memberikan maklumat terkini mengenai keadaan di Tanah Suci, berkongsi maklumat-maklumat dari segi hukum-hukum ibadat haji dan apa jua permasalahan yang perlu dijelaskan kepada bakal-bakal jemaah haji.

Pada majlis perasmian tersebut, pembentangan Kertas Kerja Perdana bertajuk 'Rahsia Kerohanian Ibadat Haji' disampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam @ Emran bin Haji Abdul Rahman.

Di dalam pembentangan tersebut beliau antara lain menjelaskan bahawa rahsia kerohanian ialah perkara-perkara yang terselindung di balik amalan ibadah haji yang membantu dalam menyempurnakan hidup manusia, menyuburkan kesempurnaan hidup rohaninya dari dunia sampai ke akhirat.

Menurutnya, manasik atau ibadah haji bukan saja amalan jasad bahkan ia juga amalan rohani dan rahsia-rahsia kerohanian ini wajar difahami agar ibadah haji kita tidak setakat ibadah zahir yang sekadar gerakan lahiriah sahaja.

Sementara itu, pembentangan Kertas Kerja Pertama bertajuk 'Beberapa Isu Hukum dalam Pelaksanaan Ibadat Haji' disampaikan oleh Pegawai Istibat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Abdul Rahman bin Pengarah Haji Mokti dan kertas kerja kedua bertajuk 'Manasik Haji Wanita' telah disampaikan oleh

Pensyarah Kanan / Pengarah Pusat Ilmu Teras KUPU SB, Hajah Zaleha binti Haji Ibrahim.

Taklimat mengenai pengurusan haji Negara Brunei Darussalam juga dikongsikan semasa muzakarah tersebut yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad.

Muzakarah antara lain bertujuan untuk menyampaikan hukum-hukum berkaitan dengan haji, umrah dan ziarah supaya ianya selaras dan seragam, tidak ada percanggahan hukum yang diberikan kepada para bakal jemaah haji oleh guru-guru pengkursus.



PEMANGKU Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad, selaku Pengerusi majlis ketika memberikan ucapan alu-aluan.

UBD anjur Bengkel 'Basic Biostatistics'

Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) akan mengadakan Bengkel 'Basic Biostatistics' (Part 2 of Research Methods and Basic Biostatistics) anjuran Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (IHS PAPRSB) selama dua hari pada 25 dan 26 April 2017.

Bengkel akan diadakan Lab 7, Pusat Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICTC), Teknologi Hub University, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link BE 1410.

Globalisasi telah mencipta isu-isu kesihatan global rentas-sempadan seperti kemiskinan, obesiti, kencing manis, kanser, batuk kering dan HIV / AIDS.

Pembuat dasar, profesional kesihatan, ahli akademik dan penyelidik dijangka menghasilkan bukti saintifik apabila mengukur corak penyakit dan beban penyakit ke arah meningkatkan tahap kesihatan penduduk melalui penyelidikan.

Oleh itu, semua profesional perlu dilengkapi dengan pengetahuan penyelidikan praktikal dan kemahiran-kemahiran yang boleh digunakan dalam bidang masing-masing.

Sehubungan itu, pihak UBD ingin mempelawa orang ramai khususnya warga kakitangan daripada institusi kerajaan, syarikat-syarikat utama, universiti-universiti, kolej-kolej dan pertubuhan bukan kerajaan untuk mengikuti bengkel berkenaan.

Bengkel ini juga sesuai dihadiri oleh mereka yang terlibat dalam pembuatan dasar, penganalisa, penasihat polisi, pengurus bahagian, seksyen ataupun cawangan, pengurus program, pegawai penyelidik, pihak-pihak berkepentingan, konsultan dasar serta pengarah dan pengurus perkhidmatan penghantaran.

Melalui gabungan aktiviti praktikal, teori dan contoh amalan yang berkesan, para peserta akan mempelajari konsep asas biostatistik, menunjukkan aplikasi praktikal dalam menjalankan kajian kuantitatif dalam bidang berkenaan serta memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam mereka bentuk ujian statistik untuk kajian kuantitatif dalam tajuk kepentingan masing-masing di samping sebagai platform untuk rangkaian di kalangan pelbagai golongan profesional yang berkongsi kepentingan bersama dalam penyelidikan.

Bagi sebarang keterangan lanjut boleh menghubungi Dr. Liling Chaw di alamat e-mel liling.chaw@ubd.edu.bn.

Bincang persediaan acara-acara Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Ke-71

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Rabu, 15 Mac. - Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun 2017 bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) antara lain membincangkan persediaan dan perancangan awal bagi mengadakan sambutan perayaan tahun ini bagi DBM.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai DBM, Awang Misle bin Haji Abdul Karim itu juga membincangkan pelantikan Jawatankuasa Tadbir Tertinggi bagi Sambutan Perayaan pada tahun ini dan memaklumkan laporan post mortem acara-acara perayaan tahun lalu.

Dalam ucapannya, Awang Misle menjelaskan, keberangkatan dan kehadiran ahli jawatankuasa ke mesyuarat sambutan kali ini menampakkan tanda komitmen selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dan sebagai tanda kasih sayang kita kepada raja yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan tanda ketaatsetiaan kita yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis baginda.

Mesyuarat tersebut tambahnya, adalah sebagai persediaan dan perancangan awal bagi mengadakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 pada tahun ini, dan bagi memulakan dan menggerakkan persediaan sambutan tahun ini.

Menurut beliau, jawatankuasa

peringkat kebangsaan telah pun bersidang bagi membincangkan format dan menetapkan tarikh keberangkatan Majlis Bersama Rakyat bagi setiap daerah yang mana DBM dijangka akan diadakan pada hari Ahad, 23 Julai 2017.

"Apa-apa pun acaranya yang akan diadakan pada tahun ini, adalah diharapkan pengerusi-pengerusi dan jawatankuasa-jawatankuasa bahagian untuk mengamalkan sikap berjiwat cermat dan bersederhana dalam membelanjakan peruntukan yang disediakan, yang penting acara-acara dapat dilaksanakan dan berjalan dengan sempurna serta dapat menarik orang ramai dan para pelancong untuk menyaksikan acara-acara dijalankan sepanjang perayaan," tambah Awang Misle.

Dalam pada itu, tambahnya, diharapkan peruntukan-peruntukan yang disediakan akan digunakan mengikut garis panduan dan peraturan kewangan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim (tiga, kiri) semasa mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun 2017 bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Awang Misle dalam ucapannya kasih di atas kerjasama semua ahli jawatankuasa ke arah sama-sama

menjayakan acara-acara Majlis Perayaan Ulang Tahun Kebawah DYMM Ke-70 Tahun pada tahun lepas khususnya kepada jawatankuasa yang merangka dan menyelaras dengan jayanya persembahan khas sebagai kemuncak acara perayaan berkenaan.

Kemeriahan suasana sambutan di DBM, tidak syak lagi adalah berkat kerjasama dan kesungguhan semua ahli khususnya pengerusi-pengerusi acara dalam memastikan sambutan perayaan berjalan dengan sempurna, ujarnya.

Hadir pada mesyuarat tersebut ialah penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai eksekutif daripada syarikat korporat dan swasta serta ahli-ahli jawatankuasa tadbir tertinggi dan pengerusi-pengerusi acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-71 bagi DBM.



PENGHULU-Penghulu mukim, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai eksekutif dari syarikat korporat dan swasta serta ahli-ahli jawatankuasa tadbir tertinggi dan pengerusi-pengerusi acara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-71 bagi DBM antara yang hadir pada mesyuarat tersebut.

Pelajar didedahkan tatacara menaik-kibarkan bendera

RTB laksanakan kerja pemeliharaan siaran TV analog

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) melalui siaran akhbarnya menyatakan telah melaksanakan kerja-kerja pemeliharaan ke atas peralatan siaran televisyen analog di stesen pemancaran Andulau, Daerah Belait.

Dengan demikian, penonton-penonton di Daerah Belait dan Daerah Tutong adalah disarankan untuk beralih ke siaran televisyen digital RTB.

Siaran digital televisyen RTB dapat diterima dengan menggunakan peralatan digital receiver yang sesuai, iaitu sama ada melalui alat Set-Top-Box (STB), sejenis alat penerima siaran televisyen digital atau set televisyen digital yang mempunyai *integrated digital television tuner* (iDTV) dengan sistem DVBT2.

Terma-terma teknikal tersebut boleh diajukan kepada pembekal atau penjual televisyen digital bagi memastikan orang ramai mendapatkan jenis set televisyen dan alat STB yang betul.

Selain itu, peralatan aerial turut memainkan peranan penting untuk memastikan penerimaan siaran televisyen digital dapat diterima dengan jelas.

Memandangkan terdapatnya sebahagian kawasan di negara ini yang berbukit-bukau, orang ramai adalah disarankan untuk memasang *outdoor* aerial jenis Ultra High Frequency (UHF) dengan menghalakannya ke stesen pemancaran Andulau bagi Daerah Belait dan sebahagian Daerah Tutong dan ke stesen pemancaran Bukit Subok jika berada di kawasan Daerah Brunei dan Muara.

Bagi kawasan yang jauh dari stesen-stesen tersebut, penonton adalah disarankan untuk memasang *booster* bagi mendapatkan siaran yang optima.

Dengan siaran televisyen digital pada masa ini, penonton akan dapat menikmati saluran televisyen yang mempunyai gambar yang bermutu tinggi dan audio yang lebih jelas berbanding dengan siaran analog.

TUTONG, Rabu, 15 Mac. - Seramai 85 penuntut-penuntut Tahun 7 dari Ma'had Islam Brunei menghadiri Program Taklimat Kenegaraan yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong bertempat di Dewan Besar Ma'had Islam Brunei, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Pengetua (Pentadbiran) Ma'had Islam Brunei, Awang Zaidi bin Haji Mohidin dan guru-guru ma'had berkenaan.

Pada majlis tersebut, Taklimat "Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam" disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail.

Dayang Hajah Rosidah dalam taklimatnya antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Taklimat juga diserikan lagi dengan tayangan klip video "Kibarkanlah dengan Megah Bendera Negara Semarak Pengibaran Bendera Negara" dan video animasi "Tatacara Mengibarkan Bendera Negara," selain itu, para pelajar juga berpeluang menyertai kuiz kenegaraan yang

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Pada majlis itu, penyampaian hadiah kepada 10 pelajar yang berjaya menjawab kuiz kenegaraan disampaikan oleh Timbalan Pengetua (Pentadbiran) Ma'had Islam Brunei.

Program tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.



TIMBALAN Pengetua (Pentadbiran) Ma'had Islam Brunei, Awang Zaidi bin Haji Mohidin ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang penuntut yang berjaya menjawab soalan kuiz.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
ANTARABANGSA,
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN

JAWATAN KOSONG DI UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP)

Jawatan :
Administrator of the United Nations Development Programme
(UNDP)

Penempatan :
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
Tarikh Tutup : 20 Mac 2017

Untuk keterangan lebih lanjut pemohon boleh melayai *website* :
<http://www.undp.org/>

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN
ANTARABANGSA,
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN

JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT, LONDON

Jawatan :
Adviser and Head of Oceans of Oceans and Natural Resources-Trade,
Oceans and Natural Resources Division
Kekosongan : 1
Tarikh Tutup: 28 Mac 2017

Untuk keterangan lebih lanjut pemohon boleh melayai *website* :
www.thecommonwealth.org/jobs



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS
DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 23/3/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang
sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 18 MAC 2017
TARIKH TUTUP: 01 APRIL 2017

1. PEGAWAI MELESEN PERIKANAN
D.3-4 EB.5
BAHAGIAN IV
BAHAGIAN HIDUPAN LIAR
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN
KEKOSONGAN : 1

2. WARDEN PADANG TEMBAK
E.2-3 EB.4
BAHAGIAN V
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KEKOSONGAN : 1

**RALAT: TANGGAGAJI JAWATAN KOSONG
MENURUT PERATURAN 7(A)
KELUARAN: 15 MAC 2017
TARIKH TUTUP: 29 MAC 2017
BILANGAN IKLAN: 22/03/17**

1. PEGAWAI PENCEN-PENCEN KANAN
C.3-4 EB.5
BAHAGIAN III
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
KEKOSONGAN : 1

Search Result

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga
lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan
Announcement di
www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:

TALIAN DARUSSALAM 123



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN TAWARAN : KSSUP/BPK/SH/02/2017-2018

ISNIN, JAM : 2.30 PETANG

TAJUK TAWARAN "GARBAGE COLLECTION AND DISPOSAL SERVICES
FOR MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM (MPRT)
HEAD QUARTER BUILDING FOR THE PERIOD OF THREE (3) YEARS"

TARIKH TUTUP MENGAMBIL BORANG
SEBUT HARGA : 27 MAC 2017
ISNIN, JAM : 2.30 PETANG

TARIKH TAKLIMAT : 27 MAC 2017

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA : 30 MAC 2017, KHAMIS, JAM : 2.00 PETANG

Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah
diperoleh dari Unit Bangunan, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 4,
Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar,
Negara Brunei Darussalam.

Harga dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)**
bagi setiap tawaran.



MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 67/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah
ini telah diperbuat oleh **SITI SUZILINA
BINTI AJASNI** kerana minta Surat Kuasa
kepada harta pusaka yang dipunyai oleh
JAHAT BINTI HAJI KAHAR yang
telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si
pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.
Oleh itu, kenyataan diberi bahawa
permohonan ini akan didengarkan di dalam
MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN
pada 7 MAC 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta
pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan
tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah
permohonan itu bolehlah menghantar
surat bantahan kepada **MAHKAMAH**

**PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI
BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut
di atas.

Tarikh : 22 Februari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 66/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah
ini telah diperbuat oleh **MOHD. RAZI
BIN CHE NOK** kerana minta Surat Kuasa
kepada harta pusaka yang dipunyai oleh
SHARIMAN BIN ABDUL KADIR yang
telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si
pemohon ialah **PEMEGANG SURAT
KUASA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa
permohonan ini akan didengarkan di dalam
MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN
pada 7 MAC 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta
pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan
tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah

permohonan itu bolehlah menghantar
surat bantahan kepada **MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI
BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut
di atas.

Tarikh : 22 Februari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 61/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah
ini telah diperbuat oleh **LIM GUAT LIA** kerana
minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang
dipunyai oleh **LIM GUAT LENG** yang
telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si
pemohon ialah **ADIK-BERADIK** kepada
si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa
permohonan ini akan didengarkan di dalam
MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN
pada 7 MAC 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta
pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan
tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah
permohonan itu bolehlah menghantar
surat bantahan kepada **MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI
BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut
di atas.

Tarikh : 20 Februari 2017.

**SURAT KUASA PUSAKA :
LA NO. 48/2017**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah
ini telah diperbuat oleh **HAJI YA'AKUB
BIN HJ. TAMIT** kerana minta Surat Kuasa
kepada harta pusaka yang dipunyai oleh
**HAJAH SALMAH BINTI AWANG HAJI
BESAR** yang telah meninggal dunia di
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
dengan sebab, iaitu si pemohon ialah
SUAMI kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa
permohonan ini akan didengarkan di dalam
MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN
pada 7 MAC 2017, jam 9.30 Pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta
pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan
tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah
permohonan itu bolehlah menghantar
surat bantahan kepada **MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI
BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut
di atas.

Tarikh : 16 Februari 2017.

**Timbalan Pegawai Waris
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.**



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SURAT KUASA PUSAKA
NO. TEMB/LA/08/2016**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **GHANI BIN METUSSIN @ GHANI BIN SIBAL** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAZIZAH BINTI ABDULLAH @ SITI BINTI SIK** yang telah meninggal dunia di dalam **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH DAERAH TEMBURONG** pada **8 April 2017, jam 9.30 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan ke **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 22 FEBRUARI 2017.

(Mohamad Jazmi bin Mohamad Kamel)
Pendaftar Mahkamah Rendah
b/p. Pegawai Waris Temburong
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN TENAGA DAN PERINDUSTRIAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

TAJUK TAWARAN :

Cagaran : BND30.00

(untuk satu dokumen tawaran.

**TO DESIGN, CONSTRUCT / BUILD,
MANAGE AND DISMANTLE
EXHIBITION BOOTHS
AND LOGISTICS DURING THE
1ST MSME INNOVATION
CONFERENCE AND EXPO TOGETHER
WITH CHINA-ASEAN (CAEXPO)
BRUNEI EXHIBITION 2017
TO BE HELD FROM 4TH TILL 6TH
MAY 2017 AT THE BRIDEX HALL
(HALL 1 & 2), JERUDONG,
BRUNEI DARUSSALAM.**

Wang cagaran tidak akan dikembalikan).

Tarikh Tutup Tawaran :

28 Mac 2017 (Selasa)

Jam : tidak lewat jam 2.00 Petang

**BILANGAN TAWARAN :
EID/LTK/2017-2018/1**

SYARAT-SYARAT dan dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh di **Penyambut Tetamu, Tingkat Basement 1, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam** pada waktu bekerja, **Isnin** hingga **Khamis**, dari jam **8.00 Pagi** hingga **11.00 Pagi** dan **2.00 Petang** hingga **3.00 Petang** dan **Sabtu, 8.00 Pagi** hingga **10.00 Pagi**.



KEMENTERIAN KESIHATAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 1 Mac 2017**. Sila layari *website* Kementerian Kesihatan www.moh.gov.bn.

Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 Petang**, Selasa pada **28 Mac 2017**.

**TAWARAN
BIL. TAWARAN :
KK/26/2017 (ESTETMOH)(TC)
KETERANGAN : THE PROVISION
OF CLEANING SERVICES**

**FOR TOBACCO ENFORCEMENT UNIT,
KIARONG, MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**YURAN TAWARAN : BND10.00
TAWARAN TARIKH TUTUP
Tidak lewat jam 2.00 Petang, 28 Mac 2017**

**BIL. TAWARAN :
KK/27/2017 (ESTETMOH)(TC)
KETERANGAN : THE PROVISION
OF MAINTENANCE SERVICE
FOR FIRE ALARM SYSTEM, CARBON
DIOXIDE (CO2) FIRE SUPPRESSION
SYSTEM, FIRE HOSEREEL SYSTEM
AND FIRE EXTINGUISHERS
FOR BUILDING UNDER
THE MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF FIVE (5) YEARS**

YURAN TAWARAN : BND30.00

**TAWARAN TARIKH TUTUP
Tidak lewat jam 2.00 Petang, 28 Mac 2017**

**BIL. TAWARAN :
KK/28/2017 (ESTETMOH)(TC)
KETERANGAN : SUPPLY
AND DELIVERY OF INSTRUMENT
AND CONSUMABLES
FOR NATIONAL DENTAL CENTRE
(DENTAL LABORATORY)
DEPARTMENT OF DENTAL SERVICE,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS**

**YURAN TAWARAN : BND30.00
TAWARAN TARIKH TUTUP
Tidak lewat jam 2.00 Petang, 28 Mac 2017**

**BIL. TAWARAN :
PHARM/43/2017
KETERANGAN : THE SUPPLY AND
DELIVERY OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL
SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**

YURAN TAWARAN : BND10.00

**TAWARAN TARIKH TUTUP
Tidak lewat jam 2.00 Petang, 28 Mac 2017**

**BIL. TAWARAN :
PHARM/44/2017
KETERANGAN : THE SUPPLY AND
DELIVERY OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL
SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN : BND30.00
TAWARAN TARIKH TUTUP
Tidak lewat jam 2.00 Petang, 28 Mac 2017**

**BIL. TAWARAN :
PHARM/45/2017
KETERANGAN : THE SUPPLY AND
DELIVERY OF MEDICINES FOR THE
DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL
SERVICES, MINISTRY OF HEALTH**

**YURAN TAWARAN : BND30.00
TAWARAN TARIKH TUTUP
Tidak lewat jam 2.00 Petang, 28 Mac 2017**



**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PERINTAH PENGHUKUMAN

Nama Penghutang - Aziz Salleh bin Junit (Kad Pengenalan Brunei No. 00-289696 - Kuning) Alamat terakhir diketahui - Hiring 2038, No. A2 Anasa Ali, Kg. Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah-Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan, BA1910, Brunei Darussalam. Nombor Perkara - Kes **BCY/CP/698/2010**. Tarikh Perintah Penghukuman - **18 Februari 2017**. Tarikh Permohonan - **17 Januari 2017**.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**DI DALAM MAHKAMAH
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY/CP/227/2007
STANDARD CHARTERED BANK
... Pemiutang / Pemetisyen
Vs
FATIMAH BINTI HAJI ABDUL WAHAB
(BYIC NO. 00-050440)
... Penghutang Penghakiman / Penentang**

NOTIS PEMBATALAN

SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang berikut pada 26 Januari 2008 telah **dibatalkan pada 26 Januari 2017**.

Nama dan alamat penghutang :
FATIMAH BINTI HAJI ABDUL WAHAB
No. 64, Simpang 120-48-35-9
STKRJ Kampung Mumong, Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh : 31 Januari 2017.

**KES NO. BCY/CP/395/2009
HSBC FINANCE (B) BERHAD
... Pemiutang / Pemetisyen
Vs
HAJAH RABIAH BINTI HAJI MAIL
(BYIC NO. 00-055233)
... Penghutang Penghakiman / Penentang**

NOTIS PEMBATALAN
SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang berikut pada 8 Oktober 2009 telah **dibatalkan pada 26 Januari 2017**.

Nama dan alamat penghutang :
HAJAH RABIAH BINTI HAJI MAIL
No. 122, Kampung Lubok Pulau, Tebangun
Jalan Bebatik Kilanas
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 31 Januari 2017.

**KES NO. BCY/CP/421/2010
HSBC FINANCE (B) BERHAD
... Pemiutang / Pemetisyen
Vs
AWANG HASHIM BIN HAJI IBRAHIM
(BYIC NO. 00-260889)
... Penghutang Penghakiman / Penentang**

NOTIS PEMBATALAN
SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang berikut pada 24 Februari 2011 telah **dibatalkan pada 22 Disember 2016**.

Nama dan alamat Penghutang :
AWANG HASHIM BIN HAJI IBRAHIM
No. 23, Spg. 44-15-31, Jalan Kabun
Jalan Binglu Tengah, RPN Kg. Tanah Jambu
Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh : 30 Januari 2017.

**KES NO. BCY/CP/183/2002
THE HONG KONG AND SHANGHAI
BANKING CORP LTD
... Pemiutang / Pemetisyen
Vs
NORADENAH BINTI HAJI ADNAN
(BYIC NO. 00-123572)
... Penghutang Penghakiman / Penentang**

NOTIS PEMBATALAN
SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang

berikut pada 20 November 2003 telah **dibatalkan pada 21 Januari 2017**.

Nama dan alamat Penghutang :
NORADENAH BINTI HAJI ADNAN
No. 23, Spg. 6, Jalan Terunjing Baru
Kampung Lambak Kiri, BB1514
Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh : 31 Januari 2017.

**KES NO. BCY/CP/195/2000
THE HONG KONG AND SHANGHAI
BANKING CORP. LTD.
... Pemiutang / Pemetisyen
Vs
PETER LEE FUI KIUN
(BPIC NO. 30-100796)
... Penghutang Penghakiman / Penentang**

NOTIS PEMBATALAN
SILA ambil perhatian bahawa satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang berikut pada 14 April 2001 telah **dibatalkan pada 21 Januari 2017**.

Nama dan alamat Penghutang :
PETER LEE FUI KIUN
No. 40, Spg. 69-44
Jalan Kiarong, Gadong, BE1318
Negara Brunei Darussalam.
Bertarikh : 31 Januari 2017.

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Negara Brunei Darussalam.

Dianugerahkan Lencana Juruterbang Kehormat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

RIMBA, Jumaat, 17 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menganugerahkan Lencana

Juruterbang Kehormat Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) kepada Kepala Staf Angkatan Udara Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara (KASAU TNI-AU), Marsekal TNI Hadi Tjahjanto.

Penghargaan ini adalah sebagai pengiktirafan ke atas jasa perkhidmatan beliau dalam mengeratkan lagi perhubungan di antara TUDB dan TNI-AU.

Penganugerahan Lencana

Juruterbang Kehormat TUDB yang berlangsung di Pangkalan TUDB Rimba telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah.

Marsekal TNI Hadi Tjahjanto mengambil alih tugas sebagai KASAU TNI-AU pada 18 Januari 2017.

Semasa berada di negara ini, program beliau termasuk mengadakan kunjungan-kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Pemerintah ABDB dan Pemerintah TUDB.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah (kiri) menyematkan Penganugerahan Lencana Juruterbang Kehormat TUDB kepada STAF Angkatan Udara Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara (KASAU TNI-AU), Marsekal TNI Hadi Tjahjanto.



STAF Angkatan Udara Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara (KASAU TNI-AU), Marsekal TNI Hadi Tjahjanto ketika memeriksa Pebarisan Kawalan Kehormatan yang terdiri dari Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Jumlah ketibaan pelancong tahun 2016 meningkat

Siaran Akhbar :
Jabatan Kemajuan Pelancongan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Negara Brunei Darussalam mencatatkan seramai 218,809 jumlah ketibaan pelancong antarabangsa melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada tahun 2016, berbanding 218,213 pelancong pada tahun 2015.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, dari segi pertumbuhan, terdapat sedikit kenaikan dari jumlah ketibaan pelancong ke negara ini bagi tahun 2016 berbanding dengan tahun sebelumnya, iaitu sebanyak 0.3 peratus (tahun-ke-tahun).

Pasaran dari Timur Jauh (*Far East*) adalah satu-satunya pasaran yang telah mencatatkan pertumbuhan yang positif sebanyak 10.4 peratus yang mana Korea Selatan, Hong Kong, Republik Rakyat China dan Jepun, masing-masing telah menyumbangkan sebanyak 23.7 peratus, 19.4 peratus, 10.7 peratus dan 3.2 peratus.

Manakala pasaran Australia dan New Zealand telah mencatatkan penurunan sebanyak 18.7 peratus diikuti dengan pasaran dari Jarak Jauh (*Long Haul*) seperti United Kingdom sebanyak 10.1 peratus dan pasaran dari ASEAN seperti Malaysia dan Singapura sebanyak 1.1 peratus.

Antara penyebab kenaikan secara keseluruhan ini adalah disebabkan oleh permintaan perjalanan (*Travel Demand*) yang tinggi dari pasaran Timur Jauh (*Far East*), kemudahan pemberian visa bagi pelancong dari Republik Rakyat China, penerbangan secara bercarter (*Chartered flight*) dari Republik

Rakyat China dan juga Republik Korea.

Walau bagaimanapun, dengan kemerosotan ekonomi global (*Weakening Global Economy*) dan persaingan serantau (*Regional Competition*) yang tinggi dari negara-negara serantau seperti ASEAN, ia sedikit sebanyak telah menjejaskan prestasi dan pertumbuhan ketibaan pelancong dari pasaran-pasaran Australia dan New Zealand, Jarak Jauh (*Long Haul*) dan ASEAN.

Malaysia merupakan negara teratas yang merekodkan jumlah ketibaan pelancong yang tertinggi ke negara ini pada 2016. Ini adalah kerana kemudahan dari segi kemasukan melalui udara dan kedudukan yang berhampiran, dengan sumbangan sebanyak 24.8 peratus (26.6 peratus pada 2015), diikuti dengan tempat kedua dari Republik Rakyat China yang menyumbang sebanyak 18.7 peratus (16.9 peratus pada 2015), Republik Indonesia meningkat sebanyak 9.5 peratus berbanding 7.9 peratus pada 2015, Republik Filipina jatuh ke tempat keempat sebanyak 7.8 peratus berbanding 8.2 peratus pada 2015 dan Singapura kekal pada kedudukan yang sama dari tahun lepas sebanyak 6.6 peratus (7.4 peratus pada 2015).

Secara keseluruhannya, kelima-lima negara teratas ini telah menyumbang sebahagian besar dari ketibaan pelancong antarabangsa ke negara ini pada 2016, iaitu sebanyak 67.4 peratus.

Pasaran utama bagi 2016 adalah pasaran dari ASEAN, iaitu sebanyak

53.2 peratus (53.9 peratus pada 2015) diikuti dengan pasaran Timur Jauh (*Far East*) sebanyak 23.9 peratus (21.7 peratus pada 2015); pasaran Jarak Jauh (*Long Haul*) seperti Eropah dan Timur Tengah sebanyak 11.1 peratus (12.4 peratus pada 2015) dan dari pasaran Australia dan New Zealand, kedua-dua buah negara ini telah menyumbang sebanyak 4.3 peratus (5.3 peratus pada 2015).

Tujuan lawatan utama bagi ketibaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016 adalah tertumpu kepada aktiviti-aktiviti percutian yang menyumbang sebanyak 42.8 peratus (40.7 peratus pada tahun 2015).

Manakala 17.1 peratus adalah dari pelancong yang melawat dengan tujuan untuk perniagaan (19.0 peratus pada tahun 2015), melawat rakan dan saudara-mara (*Visiting Friends and Relatives - VFR*) sebanyak 11.6 peratus (12.1 peratus pada tahun 2015), membuat persinggahan sementara (*Transit*) sebanyak 10.7 peratus (11.0 peratus pada tahun 2015), dengan atas urusan kerajaan sebanyak 3.0 peratus (3.0 peratus pada tahun 2015), pameran sebanyak 0.6 peratus (0.5 peratus pada tahun 2015), lain-lain tujuan sebanyak 11.0 peratus (10.0 peratus pada tahun 2015) dan tidak dinyatakan sebanyak 3.3 peratus (3.6 peratus pada tahun 2015).

Antara negara-negara teratas dalam pasaran riadah dan percutian adalah dari Republik Rakyat China dan Malaysia yang mana masing-masing telah menyumbangkan sebanyak 39.0 peratus dan 17.6 peratus.

Purata tempoh penginapan (*Average Length of Stay*) di hotel pada tahun 2015 dan 2016 adalah 2.2 hari. Manakala, purata kadar penginapan (*Average Occupancy Rate*) di hotel

Kenaikan pangkat dua pegawai kanan kerajaan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan ke atas pelantikan dua pegawai kanan kerajaan.

Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dilantik menjadi Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Kementerian Pembangunan.

Sementara Pengarah Saliran dan Pembetulan, Jabatan Saliran dan Pembetulan, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dilantik menjadi Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan.

Tarikh pelantikan pegawai-pegawai kanan tersebut berkuat kuasa mulai hari Sabtu, 19 Jamadilakhir 1438 bersamaan 18 Mac 2017.

bagi tahun 2016 adalah sebanyak 38.7 peratus berbanding pada tahun 2015 sebanyak 41.4 peratus.

Di samping itu, purata kadar penginapan antara lima hotel-hotel teratas bagi tahun 2016 adalah sebanyak 64.4 peratus berbanding dengan 64.6 peratus pada tahun sebelumnya.

Bagi tahun 2016, jumlah tempat penginapan adalah sebanyak 83 premis yang terdiri daripada taraf resort mewah (seperti The Empire Hotel and Country Club), taraf antarabangsa (seperti Radisson Hotel), taraf perniagaan, penginapan bajet, lodging, apartmen, guest house dan inapdesa (*homestay*). Jumlah tempat penginapan untuk hotel, resort dan apartmen adalah sebanyak 50 buah, inapdesa (*homestay*) sebanyak 17 buah dan *guest houses* dan *rest houses*

sebanyak 14 buah manakala *government guest houses* sebanyak dua buah.

Sementara, jumlah keseluruhan bilik dan katil tersedia adalah sebanyak 4,311 buah bilik dan 6,044 buah katil. Pada tahun 2015, jumlah tempat penginapan telah mencatatkan sebanyak 74 buah premis diikuti dengan 3,680 buah bilik dan 5,297 buah katil daripada kategori-kategori tempat penginapan yang sama.

Bagi 2016, jumlah ejen-ejen pelancongan yang berdaftar di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah sebanyak 60 buah syarikat jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 57 buah syarikat. Kesemua ejen-ejen pelancongan ini adalah berdasarkan kepada perjalanan *inbound* dan *outbound*.

MALAYSIA merupakan negara teratas yang merekodkan jumlah ketibaan pelancong yang tertinggi ke negara ini pada 2016. Ini adalah kerana kemudahan dari segi kemasukan melalui udara dan kedudukan yang berhampiran, dengan sumbangan sebanyak 24.8 peratus (26.6 peratus pada 2015), diikuti dengan tempat kedua dari Republik Rakyat China yang menyumbang sebanyak 18.7 peratus (16.9 peratus pada 2015).

Tidak hormat panji negara warga asing didenda

Siaran Akhbar : Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Satu gambar *viral* diedarkan dalam media sosial menunjukkan bas dengan tiga kain kuning yang mengandungi Panji-panji Negara Brunei Darussalam digunakan untuk membungkus tayar menjadikan subjek kes lain dibawa ke Mahkamah Majistret Negara Brunei Darussalam.

Mengikut, siaran akhbar Pejabat Peguam Negara, tertuduh, Mohd. Asgar, 30, seorang warga asing yang bekerja sebagai pemandu untuk syarikat milik tempatan, mengaku

bersalah terhadap tuduhan berkelakuan dengan cara menghina yang mungkin menyebabkan pecah keamanan di bawah Bab 19 Akta Kesalahan Kecil, Penggal 30, yang membawa hukuman denda maksimum sebanyak BND500.

Tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan pada 14 Mac 2017.

Mengikut ringkasan kejadian yang dipersetujui oleh tertuduh, Tertuduh ketika itu di rumah memerhatikan rakannya mencat sebuah bas, apabila

rakannya meminta tertuduh untuk mencari sesuatu yang boleh digunakan untuk menutup tayar untuk mengelakkan tayar tersebut kotor dari cat, tertuduh pergi ke sebelah rumah sewanya dan mendapati kotak yang penuh dengan kain kuning yang mengandungi Panji Negara Brunei Darussalam.

Tertuduh kemudian terus mengambil tiga helai kain yang mengandungi Panji-Panji Negara Brunei Darussalam kembali ke bas dan meletakkan satu kain di atas tayar hadapan kiri dan dua kain pada tayar kiri belakang.

Orang awam yang nampak bas tersebut telah mengambil gambar dan

tidak lama kemudian menjadi *viral* di media sosial.

Satu laporan polis kemudiannya dibuat di Pusat Balai Polis, Bandar Seri Begawan yang membawa kepada penangkapan tertuduh.

Pihak Pendakwa Raya juga telah memaklumkan kepada Mahkamah bahawa kelakuan tertuduh menggunakan kain kuning mengandungi Panji Negara Brunei Darussalam adalah menghina dan menyebabkan kemarahan orang ramai tentang kekurangan rasa hormat kepada Panji Negara Brunei Darussalam.

Berdasarkan pengakuan bersalah tertuduh tersebut, Majistret Yang Arif

Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid mensabitkan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND250 kepada tertuduh untuk dibayar serta-merta atau sekiranya gagal membayar, dimasukkan penjara satu minggu kerana bersalah.

Orang ramai diingatkan supaya bertanggungjawab, menghormati dan melindungi integriti bendera negara dan panji-panji Negara Brunei Darussalam pada setiap masa.

Sebarang kelakuan disifatkan sebagai tidak menghormati bendera negara dan panji-panji Negara Brunei Darussalam tidak akan diterima dan tindakan akan diambil oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Warga asing didenda kerana salah guna bendera

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Seorang lelaki warga asing berusia 22 tahun telah didakwa dan didapati bersalah di Mahkamah Majistret kerana memakai bendera rasmi kebangsaan Negara Brunei Darussalam di sekeliling pinggang, seperti yang dilihat dalam gambar yang tersebar di laman media sosial.

Mohammad Iman Ali mengaku bersalah terhadap tuduhan berkelakuan dengan cara menghina yang mungkin menyebabkan pecah keamanan, suatu kesalahan di bawah Bab 19 Akta Kesalahan Kecil, Penggal 30, yang membawa denda maksimum sebanyak BND500.

Mahkamah Majistret telah dimaklumkan bahawa tertuduh sebelum ini bekerja di Negara Brunei Darussalam dari November 2013 hingga 2016 dan telah kembali untuk bekerja semula ke negara ini pada Januari 2017.

Tertuduh bersetuju dengan pernyataan yang dibacakan kepadanya bahawa pada 12 Mac 2017, tertuduh bersama tiga rakannya telah pergi ke Pantai Tungku di Jerudong untuk bermain kriket dan berenang.

Ringkasan kejadian yang telah dikemukakan oleh Pendakwa Raya telah menyatakan bahawa apabila mereka sedar bahawa mereka tidak mempunyai tuala untuk menutup aurat

serta menukar pakaian mereka, maka tertuduh yang ketika itu terlihat bendera yang tergantung di atas pokok berhampiran telah mengambil keputusan untuk memakai bendera dengan cara membalutnya pada pinggangnya bertujuan untuk menutupi dirinya.

Salah seorang daripada kawan tertuduh yang melihat perbuatan tertuduh memakai bendera tersebut telah menegur tertuduh untuk tidak menggunakan bendera sebegitu rupa.

Gambar tertuduh ketika memakai bendera telah diambil oleh orang awam dan disebarluaskan serta menjadi *viral* di media sosial.

Satu laporan polis kemudiannya dibuat di Balai Polis Sengkurong yang membawa pada penangkapan tertuduh.

Timbalan Pendakwa Raya, Pengiran Hajah Nor 'Azmeena binti Pengiran Haji Mohiddin yang membawa kes tersebut bagi pihak Pendakwa Raya juga menyatakan kepada mahkamah bahawa tindakan tertuduh memakai bendera kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan cara sedemikian adalah menghina dan menyebabkan kemarahan kepada orang ramai atas sifat kurang rasa hormat tertuduh terhadap bendera Negara Brunei Darussalam.

Selepas Tertuduh mengaku salah,

Majistret Yang Arif Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid mensabitkan dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND200.00 untuk dibayar pada 15 Mac 2017 ke atas tertuduh atau jika gagal membayar, penjara satu minggu bagi kesalahan yang telah dilakukan tersebut.

Orang ramai diingatkan untuk sentiasa bertanggungjawab, menghormati dan melindungi integriti bendera kebangsaan pada setiap masa.

Sebarang kelakuan yang disifatkan sebagai tidak menghormati bendera negara tidak akan diterima dan tindakan akan diambil oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

Pentingnya sokongan kesihatan mental selepas bersalin

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Shahrizal Haji Said

JERUDONG, Jumaat, 17 Mac. - Sempena Hari Wanita Antarabangsa, Pusat Perubatan Jerudong Park [JPMC] dengan kerjasama Stem Life Berhad dari Malaysia, menganjurkan forum awam bertajuk 'Perjalanan Menuju Kesihatan kehamilan' (Journey to Health Pregnancy).

Seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada pasangan yang telah berkahwin, ibu-ibu dan bakal ibu menghadiri forum yang diadakan di The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Menurut Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi JPMC, Dr Siti Khadijah binti Ismail, kesihatan kehamilan tidak berhenti selepas bayi dilahirkan dan adalah penting untuk

mengetahui bahawa sokongan kesihatan mental selepas kehamilan adalah mustahak untuk para ibu.

Beliau juga menekankan pentingnya mengambil makanan seimbang yang sihat, senaman harian dan menjaga kesihatan emosi semasa hamil.

Forum turut diisikan dengan perbincangan panel oleh para ibu dan pakar laktasi JPMC yang memberi peserta peluang untuk melibatkan diri dalam perbincangan interaktif tentang bagaimana untuk menjaga diri sendiri dan bayi mereka sepanjang kehamilan mereka dan seterusnya.

Turut hadir pada forum tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif StemLife Berhad, Encik Sophian Abd. Rahman, yang telah menjadi rakan kerjasama dengan JPMC sejak

September tahun lalu, dengan menyediakan perkhidmatan perbankan tali darah dan sel stem tisu saraf yang komprehensif merangkumi pengumpulan, pengangkutan, pemrosesan dan perkhidmatan *cryopreservation* di Negara Brunei Darussalam.

Menurut Encik Sophian Abd. Rahman, sebagai organisasi kesihatan yang menumpukan kepada keperluan ibu dan kanak-kanak, kami berasa gembira untuk menyokong JPMC dalam forum yang bermakna ini.

"Selain manfaat potensi bagi simpanan sel stem kanak-kanak tersebut, kami percaya bahawa dengan pemeriksaan kanak-kanak yang berkemungkinan mempunyai kesilapan semula jadi metabolisme kelahiran akan memberikan ketenangan kepada ibu-ibu. Kami bersedia untuk berkongsi pengalaman kami di dalam kedua-dua forum

ini," ujarnya.

Klinik Obstetrik dan Ginekologi JPMC dibuka dari Isnin hingga Jumaat, bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang dan setiap Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Perkhidmatan yang ditawarkan di Bahagian Obstetrik termasuk ujian-ujian Pemeriksaan Antenatal iaitu pemeriksaan Trimester pertama dan kedua, Kelas Antenatal dan Kelas Urut Bayi, Klinik Perancang Keluarga dan Perkhidmatan Klinik Selepas Bersalin.

Manakala perkhidmatan yang ditawarkan di Bahagian Ginekologi termasuk pemeriksaan sakit puan secara menyeluruh.

Sebarang maklumat lanjut atau membuat perjanjian bolehlah menghubungi +673 2611433 sambungan 3000 atau melalui e-mel gynaereception@jpmc.com.bn.



PAKAR Perunding Obstetrik dan Ginekologi JPMC, Dr. Siti Khadijah binti Ismail menyatakan, pentingnya mengetahui sokongan kesihatan mental selepas bersalin.



SEBAHAGIAN daripada peserta yang hadir pada forum tersebut.

Muzium Maritim pameran tulang belulang Paus Bryde's

Siaran Akhbar : Jabatan Muzium-Muzium

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Tarikan baharu di Muzium Maritim Brunei Darussalam merupakan pinjaman dari Koleksi Ilmu Kejadian.

Tulang belulang yang dipamerkan adalah salah satu daripada 30 spesimen marin yang terdampar di garis-garis pantai Negara Brunei Darussalam sejak 20 tahun kebelakangan.

Tulang belulang ini berasal dari seekor Paus Bryde's yang mati terdampar di Tanjong Pelumpong pada November 2003.

Spesies tersebut pertama kalinya direkodkan di perairan negara ini pada tahun 1991.

Para pelawat boleh menyaksikan rangka mamalia laut yang berukuran 25 kaki ini bermula dari 18 Mac 2017 di ruang legar Muzium Maritim Brunei Darussalam.

Waktu operasinya dibukakan pada Ahad hingga Khamis dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang, manakala Sabtu, dari 9.45 pagi hingga 4.30 petang.

UNISSA - IPT China tinjau peluang kerjasama strategik

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian telah membuat kunjungan hormat kepada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Kunjungan hormat tersebut ialah bagi meninjau peluang-peluang kolaborasi dan kerjasama strategik antara UNISSA dan Institusi Pengajian Tinggi (IPYT) di China.

Menurut PYT, Kerajaan Republik Rakyat China membuka tawaran biasiswa kepada warga Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk melanjutkan pengajian di negara itu yang merupakan satu platform ke arah adanya kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Dalam perbincangan tersebut, Dr. Haji Norarfan menyuarakan hasrat untuk mengalu-alukan pelajar-pelajar Islam dari negara China untuk melanjutkan pengajian ke Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, UNISSA telah membukakan ruang bagi yang

berminat dalam bidang ekonomi dengan mengikuti kursus di Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam.

UNISSA baru saja menubuhkan fakulti baharu, iaitu Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam dan sedang merancang untuk menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan halal dalam usaha membantu kerajaan dalam merealisasikan wawasannya untuk menjadikan negara sebagai hub halal global.

Beliau seterusnya berharap melalui kunjungan PYT ini menjadikan UNISSA dapat merentasi sempadan antara benua dalam mengembangkan reputasinya sebagai sebuah universiti Islam yang unggul di Asia Tenggara.

Turut hadir dalam sesi perjumpaan berkenaan ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad serta beberapa pegawai utama UNISSA.

Rektor UNISSA menyampaikan cenderahati kepada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, PYT Yang Jian.



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yang Jian (tengah) semasa menerima cenderamata daripada Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (tiga kanan).

Pembatalan kenderaan terbiar bermula 6 April

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan syarikat-syarikat pelupusan kenderaan di negara ini akan mula melaksanakan projek menangani isu kenderaan terbiar seluruh negara ke arah kebersihan alam sekitar dan pembatalan kenderaan berkenaan bermula pada 6 April ini.

Menurut Siaran Akhbar JPD, projek yang dilancarkan ke seluruh negara itu adalah hasil dari perbincangan dan penelitian agensi-agensi berkenaan dengan mengambil kira tindakan-tindakan yang telah dibuat sebelum ini dari setiap agensi yang terlibat dan aduan-aduan daripada orang ramai mengenai kenderaan-kenderaan terbiar di kawasan-kawasan awam seperti di tepi jalan raya, kawasan letak kereta, bengkel-bengkel kenderaan seluruh negara dan mana-mana kawasan hasil aduan orang ramai.

Kenderaan terbiar ini telah mendatangkan beberapa masalah seperti menyukarkan orang awam untuk meletakkan kenderaan mereka di kawasan letak kereta serta menjejaskan pandangan dan mencemarkan alam sekitar.

Orang ramai khususnya pemilik-pemilik yang meninggalkan kenderaan terbiar mereka di tempat awam adalah dengan ini diperingatkan dan diarahkan supaya memindahkan kenderaan tersebut sebelum 6 April ini.

Beberapa perkara seperti berikut perlu diambil perhatian :

a) kenderaan yang tidak dipindah selepas tarikh berkenaan akan ditarik atau dipindahkan oleh syarikat-syarikat pelupusan ke satu tempat yang ditentukan oleh syarikat-syarikat;

b) Pemilik yang ingin menuntut

kenderaan yang telah ditarik tersebut hendaklah menghubungi mana-mana cawangan JPD di seluruh negara (yang berkaitan) untuk proses tuntutan;

c) Sebarang kos tuntutan termasuk kos penarikan adalah tanggungjawab pemilik dan hendaklah dibayar terus kepada syarikat-syarikat yang berkenaan;

d) Jika kenderaan tersebut tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas 6 April atau tarikh-tarikh kenderaan itu dijumpai ditinggalkan mengikut akta dan peraturan yang sedia ada, di mana kenderaan tersebut akan disita dan dilelong atau dilupuskan dan dibatalkan pendaftarannya dari Sistem Pengangkutan Darat.

Ke arah menangani isu-isu tersebut dan untuk memastikan tindakan-tindakan bersesuaian mengikut akta dan peraturan yang sedia ada, satu jawatankuasa tindak (taskforce) telah ditubuhkan.

Jawatankuasa ini akan mengambil tindakan yang bersesuaian berpandukan kepada bidang tugas dan kawal selia kawasan di bawah tadahan agensi-agensi berkenaan. Melalui jawatankuasa ini, tindakan yang sebelum ini dibuat secara berasingan oleh agensi-agensi berkenaan kini diselaraskan mengikut prosedur dan proses yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama.

Dalam penelitian JPD sebelum ini, iaitu pada tahun 2015 sebanyak 387,817 jumlah kenderaan yang berdaftar dalam Sistem Pengangkutan Darat (SPD), sementara kenderaan yang aktif dilesenkan hanya berjumlah lebih kurang 306,510 buah sahaja.

Ini bermakna, sejumlah kira-kira 81,307 kenderaan di luar sana yang tidak dilesenkan atau terbiar atau yang mungkin sudah dilupuskan oleh orang ramai melalui syarikat-syarikat pelupusan tanpa melaporkan ke JPD.

Mantapkan pemahaman Ilmu Tauhid kaum Muslimah

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Khamis, 16 Mac. - Bagi meningkatkan kefahaman serta mengulang-kaji pengetahuan agama yang sedia ada di kalangan peserta kursus, Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) terus mengukuhkan Kursus Ta'lim 'Ilmu Tauhid' bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Seramai 37 orang Muslimah menyertai kursus selama empat hari yang bermula 13 Mac lalu, mewakili persatuan-persatuan di Daerah Temburong serta pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk saudara-saudara baharu.

Sepanjang kursus, para peserta didedahkan dengan terperinci berkaitan Ilmu Tauhid antaranya pengertian Tauhid, pengertian Islam dan Iman, kupasan mendalam tentang Rukun Iman, perkara-perkara berkaitan As-Sam'iyat dan Al-Ghaibiyat, serta amalan-amalan pengukuhan akidah dan kesan-kesannya, yang disampaikan oleh Pegawai Pengkursus dari PDI, Awang Haji Imaharan bin Haji Metali.

Salah seorang peserta yang ditemui, Dayangku Nur Nadzirah binti Pengiran Osman, mewakili Persatuan PERTIWI berkata, beliau berminat untuk menyertai kursus ini kerana ingin mengulang-kaji pengetahuan agama yang pernah diajarkan semasa berada di bangku persekolahan agama dahulu.

Tambahnya kursus ini amat bermanfaat bukan sahaja buat dirinya sebagai seorang beliau, malah kepada semua peringkat umur yang menyertainya, kerana ilmu agama yang diajarkan oleh tenaga pengajar sangat relevan dan lebih mudah difahami kerana diterangkan secara

terperinci, berbanding ketika bersekolah agama dulu yang hanya diajarkan secara asas sahaja, contohnya bab bertayamum dan bersembahyang masuk.

Beliau juga menyeru para Muslimah di negara ini terutama di kalangan belia dan remaja agar menyertai kursus seumpama ini untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan sebagai seorang Muslim serta dapat mengimbas kembali pengetahuan agama yang pernah diajarkan semasa di alam persekolahan.

Kursus merupakan salah satu rancangan tahunan yang dirangka oleh Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI dengan objektif bagi memantapkan lagi Ilmu Tauhid para peserta dengan memberikan penerangan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang asas-asas agama Islam.



DAYANGKU Nur Nadzirah binti Pengiran Osman mewakili Persatuan PERTIWI semasa ditemu bual.

Pendaftaran Peperiksaan LCCI dibuka mulai 20 Mac

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan akan membukakan pendaftaran Peperiksaan London Chamber of Commerce and Industry (LCCI) bagi bulan Jun 2017 bermula 20 Mac 2017 hingga 3 April 2017 dan borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Peperiksaan tidak lewat 3 April 2017.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat dibuka.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah dilengkapi pada setiap Isnin hingga Khamis pada sebelah pagi mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan sebelah petang mulai jam 1.30 petang hingga 3.00 petang dan Sabtu dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi semasa hari bekerja.

Jerayawara membariga kadar cukai dan eksais ke Daerah Temburong

Berita dan Foto : Ampuan Roza Amalyati Ampuan Hussain

TEMBURONG, Rabu, 15 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penyelarasan dan perubahan kepada kadar-kadar cukai import dan eksais yang akan berkuat kuasa mulai 1 April 2017.

Sehubungan itu, Kementerian Kewangan dalam usaha membariga-kan mengenai penyelarasan dan perubahan kepada kadar-kadar cukai import dan duti eksais berkenaan turut mengadakan jerayawara ke Daerah Temburong yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Setiausaha Tetap (Prestasi), Kementerian Kewangan, Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa berucap menjelaskan, antara matlamat pindaan kepada kadar cukai import dan cukai eksais ini adalah bagi mengemaskinikan struktur cukai barangan di negara ini yang akan dapat

mendukung beberapa objektif utama, antaranya bagi meningkatkan daya saing iklim perniagaan dan pelaburan negara, di samping memenuhi komitmen-komitmen tertentu di bawah Perjanjian-Perjanjian Perdagangan Bebas (FrAs) dengan beberapa negara sama ada secara dua hala atau berbagai-bagai hala.

Sementara itu, Penolong Ketua Bahagian / Pegawai Penjaga Zat Makanan Kanan, Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Zakaria bin Haji Kamis menyampaikan taklimat mengenai 'Minuman Berperisa Mengandungi Gula dan Tahap Kesihatan Penduduk Negara Brunei Darussalam', diikuti dengan taklimat daripada Penolong Pengarah Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan, Awang Ali bin Haji Matussin tentang 'Kesedaran Mengenai Keselamatan Jalan Raya dan Prosedur Pengimportan Tayar ke Negara Brunei Darussalam'.

Beberapa taklimat juga disampaikan

daripada Jabatan Perkembangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian Pembangunan berkaitan penyelarasan dan perubahan kepada kadar-kadar cukai import dan eksais 2017.

Turut hadir semasa jerayawara ini, Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Amir Hairil bin Haji Mahmud; ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para peniaga di Daerah Temburong.

Dalam siaran medianya, Kementerian Kewangan mengumumkan pengemaskinian kadar cukai import dan eksais ini turut menyasarkan kepada beberapa produk tertentu yang mempunyai beberapa matlamat, antaranya meringankan kos sara hidup terutama bagi golongan-golongan sasaran, menyasarkan penurunan harga bagi barangan tertentu bagi menggalakkan penggunaannya dan pada masa yang sama untuk mengawal penggunaan barangan tertentu dengan matlamat

untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Selain itu, sebagai langkah untuk meningkatkan lagi perkembangan sektor swasta di negara ini, pengurangan kadar cukai import dan eksais juga akan dilaksanakan ke atas beberapa barangan bagi beberapa sektor perniagaan seperti mesin-mesin perindustrian, alat ganti bagi kenderaan berat dan jentera berat.

Di samping itu, kadar cukai barangan alat ganti dan tayar kenderaan akan dikurangkan bagi tujuan meringankan kos kepada pengguna di negara ini, di samping mengetengahkan aspek keselamatan bagi para pengguna.

Manakala dari aspek kesihatan pula, kadar cukai ke atas beberapa barangan yang boleh memudaratkan kesihatan akan dinaikkan bagi mengawal permintaan pengguna, antaranya minuman atau makanan yang mempunyai kadar gula yang tinggi dan sebagainya. Langkah ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Kesihatan dalam merealisasikan hasrat Bersama Ke Arah Warga Sihat.

Dari aspek alam sekitar, kenaikan kadar cukai eksais ke atas produk plastik dan sebagainya adalah untuk mendukung usaha JASTRe, Kementerian Pembangunan bagi mencapai sasaran untuk mengurangkan jumlah sisa buangan plastik yang perlu dilupuskan, sementara kaedah penggunaan barangan kitar semula dalam kalangan masyarakat di negara ini akan lebih diberi perhatian sewajarnya yang akan dapat membantu mengurangkan pencemaran yang boleh memudaratkan kesihatan penduduk di negara ini.

Bagi tujuan mengimbangi pengurangan hasil cukai bagi barangan-barangan tertentu, cukai ke atas beberapa barangan seperti telefon bimbit, produk dari bahan kulit dan bulu binatang, alat permainan video dan lain-lain akan dinaikkan.

Sementara bagi mendukung usaha melahirkan masyarakat yang sihat,



SETIAUSAHA Tetap (Prestasi), Kementerian Kewangan, Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa memberikan ucapan pada jerayawara tersebut.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui kerjasama Kementerian Kesihatan akan juga memperkenalkan skim bantuan kepada ibu-ibu yang baru melahirkan anak damit yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap negara ini. Bantuan yang akan dihulurkan adalah seperti berikut; pemberian lampin pakai buang kepada setiap anak damit yang baru dilahirkan bagi tempoh selama 12 bulan dari tarikh kelahiran anak damit berkenaan; dan pemberian alat bantuan Penyusuan Susu Ibu (breast-pump) pada setiap kelahiran atau bagi tempoh dua tahun sekali, tertakluk kepada tempoh mana yang lebih lama.

Maklumat lanjut mengenai perubahan kadar-kadar cukai ini boleh diperolehi daripada laman sesawang Jabatan Kastam dan Eksais Diraja www.bdnsw.gov.bn atau www.tradingacrossborders.gov.bn atau menghubungi terus ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja melalui talian +673 2382361.



SEBAHAGIAN yang hadir terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, para penghulu dan ketua kampung di Daerah Temburong.

Dua mangsa alami cedera ringan



KEBAKARAN sebuah rumah di Kampung Pelambayan, Jalan Kota Batu telah mengakibatkan dua orang cedera dan meranapkan empat buah kereta.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Dua mangsa mengalami cedera ringan apabila sebuah rumah terbakar berpunca dari kebakaran sebuah kereta yang mengalami

kerosakan di unit kawalan elektronik enjinnya.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), mereka yang cedera ialah Dayang Siti Nur

Fakhriyah binti Suzzeimi yang melecur di bahagian dada dan bahu kanan, dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), manakala Awang Suzzeimi bin Haji Yahya mendapat cedera ringan melecur di bahagian tangan kanan dan hanya dirawat di tempat kejadian.

JBP dari Bandar Seri Begawan, Berakas dan Laut dengan lima buah kenderaan yang dianggotai oleh 26 ahli bomba telah berkejar ke tempat kejadian di No. 544, Simpang 545, Kampung Pelambayan, Jalan Kota Batu untuk memadam kebakaran.

Menurut pegawai yang mengetahui, Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'A' SSFR Yudieswandy bin Bakar, apabila tiba di tempat kejadian, mereka mendapati api besar membakar keseluruhan sebuah rumah dan sebuah stor, tempat penyimpanan peralatan perkahwinan yang bersambung dengan garaj kereta.

Api dapat dikawal dalam masa 25 minit. Pemilik rumah, Dayang Hajah Laki @ Hajah Hamidah binti Haji Ali bersama 27 penghuni lain tidak mengalami sebarang kecederaan.

Selain itu, kebakaran juga meranapkan empat buah kereta dan sebuah motosikal.

Kerugian dianggarkan sebanyak BND353,000.00.

Tangkapan orang awam hendaklah diserahkan kepada polis

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) memaklumkan kepada orang ramai berhubung dengan maklumat dan gambar yang telah disebarkan melalui media sosial mengenai seorang lelaki yang dipercayai sebagai suspek yang mencurigakan dan telah dipukul oleh orang ramai.

Sehubungan itu, PDB menegaskan kepada orang ramai untuk tidak bertindak sendiri tanpa merujuk kepada pihak penguat kuasa dan tidak akan mengambil tindakan undang-undang ditangan sendiri.

PDB tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang kepada mana-mana orang yang melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang.

Mana-mana tangkapan orang awam hendaklah diserahkan ke balai polis yang berhampiran atau menghubungi dengan segera pihak polis.

Sebuah kapal ikan Viet Nam ditahan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - KDB Darussalam Tentera Laut Diraja Brunei telah membuat penahanan terhadap sebuah kapal ikan asing dari Viet Nam berdaftar PY90541TS didapati memasuki ke kawasan perairan Negara Brunei Darussalam dan menjalankan aktiviti penangkapan ikan secara tidak sah menggunakan rawai sebagai peralatan menangkap ikan mereka pada 13 Mac baru-baru ini.

Pemeriksaan juga mendapati beberapa hasil tangkapan ikan berada di dalam petak penyimpanan ikan.

Seramai 10 nelayan warga Viet Nam lingkungan umur di antara 18 hingga 50 tahun termasuk kapal telah ditahan dan siasatan telah dipindahkan ke Polis Marin untuk siasatan lanjut.

Kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 17 (1) Tanpa Lesen Perintah Perikanan, 2009.

Pupuk kesedaran sivik dan semangat kenegaraan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 15 Mac. - Program Rakan Remaja Penerangan (RRP) dihasrat untuk mendekati para remaja di sekolah-sekolah supaya mereka peka dengan perkembangan semasa serta menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial dalam kalangan remaja.

Selain itu, program RRP juga adalah untuk menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya turut diisikan dengan Kuiz Kenegaraan bagi menguji keberkesanan taklimat yang disampaikan.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian

Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi program RRP ke Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS), di sini.

Program yang disasarkan kepada penuntut sekolah itu dihadiri oleh Pemangku Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli selaku tetamu kehormat.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengetua Maktab SOAS, Awang Zamain bin Abdul; Pemangku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Rabi'atul Adawiyah binti Haji A. Ahmad; Timbalan-Timbalan Pengetua, pegawai dan guru serta

penuntut-penuntut Maktab SOAS.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Norfaizan bin Haji Ahim dan seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua Maktab SOAS.

Terdahulu, program RRP dimulakan dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' beramai-ramai.

Pengetua Maktab SOAS, Awang Zamain dalam ucapannya antara lain menasihatkan para pelajar untuk berani berubah dan menjadi pemangkin dalam mencapai Wawasan Negara 2035 seterusnya merealisasikan misi dan visi pemimpin negara serta bijak menilai dan memilih rakan sebaya yang positif dan inovatif.

Majlis diteruskan dengan tayangan video-video klip terbitan Jabatan Penerangan, 'Kibarkan Bendera Kitani'



PEMANGKU Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Rakan Remaja Penerangan yang diadakan di Maktab SOAS.

dan 'Kibarkan Bendera Negara Dengan Megah'.

Sementara taklimat bertajuk 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Muhammad Nurakram bin Noraini / Bahrin.

Persembahan Drama Awang Merimbun / Sungai Siamas yang dibintangi oleh pelajar-pelajar Tahun 7 dan diikuti dengan tayangan video bertajuk 'A Lesson in Adventure (Maktab SOAS)' turut memeriahkan majlis.

Sasaran program melibatkan 386 pelajar Tahun 9 dan 10 itu juga diserikan dengan persembahan daripada warga Jabatan Penerangan serta dimeriahkan dengan lawak jenaka daripada pelawak-pelawak undangan tanah air.

Program RRP turut mendedahkan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan terutama kepada golongan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpinpin.

Semasa ditemui oleh Pelita Brunei, Timbalan Pengetua Akademik Maktab SOAS, Awang Mohamad Santra bin Haji Bolhasan menyatakan kejayaan program itu dan bermanfaat dalam memberikan penerangan yang secukupnya lebih-lebih lagi warga Maktab SOAS yang baru masuk, iaitu pelajar-pelajar Tahun 7.

Awang Mohamad Santra berharap segala maklumat-maklumat yang diperolehi akan disebarkan kepada rakan-rakan serta ahli keluarga masing-masing.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada peserta kuiz yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Semarakkan semangat patriotik dalam sanubari pelajar

Berita dan Foto :
Ihsan Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Dalam usaha menyemai dan menanam semangat patriotik kalangan pelajar Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok, Kluster 4 telah mengadakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-33 Tahun di pekarangan sekolah berkenaan.

Acara sambutan telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti Doa Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan Ke-33 Tahun yang diketuai oleh Awang Haji Saifullizan bin Haji Abdullah dan seterusnya acara menaikkan bendera kebangsaan sambil menyanyikan lagu 'Allah Peliharakan Sultan' secara beramai-ramai.

Majlis diteruskan dengan bacaan Ikrar Hari Kebangsaan diketuai oleh pelajar Tahun 6A, Awang Mohammad Ammar bin Shahminan.

Acara dimeriahkan lagi dengan



BACAAN Ikrar Hari Kebangsaan diketuai oleh pelajar Tahun 6A, Awang Mohammad Ammar bin Shahminan.

penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang bagi kegiatan peraduan kuiz dan Pertandingan Pakaian Patriotik yang telah disampaikan oleh Guru Besar Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok, Dayang Sarimah binti Haji Mina.

Sambutan tersebut telah diserikan lagi dengan nyanyian dua buah lagu patriotik beramai-ramai

sambil mengibarkan bendera kecil negara.

Acara sambutan diakhiri dengan guru-guru bergambar ramai dengan pelajar-pelajar sambil membuat formasi berbentuk 'HK33'.

Pengisian kegiatan antara lain adalah peraduan kuiz mengenai Hari Kebangsaan Ke-33 Tahun dan Pertandingan Pakaian Patriotik terbaik.

Semai semangat patriotisme



AWANGKU Mohd Fikri Fadhli bin Pengiran Mokti, pelajar Tahun 7C.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Taklimat 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Dewan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SOAS), di sini.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para pelajar telah menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera'.

Selain itu, mereka juga berpeluang

menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para

pelajar yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan dan penyampaian cenderamata kepada pihak sekolah tersebut.

Program ini adalah salah satu usaha



Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim, Nazih Haji Zaini
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjinwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Program berkenaan dihadiri oleh guru-guru Maktab SOAS dan 185 penuntut Tahun 7 dari sekolah berkenaan.

Semasa Pelita Brunei menemui bual, Awangku Mohd Fikri Fadhli bin Pengiran Mokti, pelajar Tahun 7C menjelaskan, taklimat berkenaan amat berguna dan meningkatkan pengetahuan mengenai Bendera Negara Brunei Darussalam.

PELAJAR-PELAJAR Tahun 7 Maktab SOAS yang menghadiri Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' anjuran Jabatan Penerangan.

Isikan cuti persekolahan dengan aktiviti yang berfaedah

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Sesungguhnya pengisian masa dengan melakukan perkara yang berfaedah merupakan tuntutan agama kerana Islam menggalakkan umatnya supaya mengurus masa dengan sebaik-baiknya dan penuh bijaksana. Memang tidak dapat dinafikan sebagai manusia ada masa kita bekerja dan ada masa kita berehat atau bercuti, begitu juga dengan penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar. Pada masa ini penuntut-penuntut dan pelajar-pelajar sekolah sedang menjalani cuti penggal pertama persekolahan. Inilah masa yang ditunggu-tunggu oleh para pelajar atau penuntut malahan juga kepada ibu bapa sendiri.

Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam merancang dan mengatur aktiviti yang dilakukan sepanjang cuti persekolahan seperti mengisi masa lapang anak-anak dengan melakukan perkara-perkara dan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat. Oleh itu, cuti persekolahan bukan untuk dihabiskan sepenuhnya dengan berseronok dan melupakan terus pelajaran di sekolah. Jadilah ibu bapa yang prihatin dan mengambil berat terhadap pendidikan dan perkembangan anak-anak. Rancanglah sesuatu agar dapat memanfaatkan cuti sekolah anak-anak dengan sebaik-baiknya. Jangan biarkan anak-anak yang sendiri menguruskan masa cuti tanpa pengetahuan, pemantauan dan panduan daripada ibu bapa. Terdapat bermacam-macam aktiviti yang boleh dirancang dan dilaksanakan seperti melibatkan mereka dengan aktiviti-aktiviti di perpustakaan, masjid-masjid, melakukan riadah, lawatan-lawatan dan sebagainya.

Pada musim cuti persekolahan ini, banyak peluang, ruang atau masa yang boleh kita gunakan. Oleh itu ibu bapa janganlah melaksanakan peluang di musim cuti persekolahan ini untuk bersama anak-anak dan



mengajar mereka supaya menggunakan masa cuti dengan bijak kerana jika dibiarkan mereka menghabiskan cuti begitu sahaja, tanpa pengurusan ibu bapa atau penjaga, dikhawatirkan mereka akan mudah terjebak dengan aktiviti tidak sihat dan gejala sosial yang jelas meymipang daripada ajaran agama Islam. Ini kerana dalam usia muda, anak-anak begitu mudah terpengaruh dengan rakan-rakan sebaya dan meniru perbuatan tidak sihat yang boleh merosakkan akhlak dan moral. Kerana itu ibu bapa hendaklah sentiasa mengingatkan anak-anak supaya memanfaatkan masa dengan sebaik-baik mungkin untuk bekalan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat kelak, kerana kita semua akan ditanya adakah kita telah menggunakan masa dengan sebaik-baiknya. Sabda Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "Daripada Abi Barzah Al Islami ia berkata : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Tidak akan bergerak kedua-dua kaki seorang hamba itu pada hari kiamat di Padang Mahsyar sehingga ia disoal tentang umurnya bagaimana dihabiskan, tentang ilmunya apa yang dilakukan dengannya, tentang hartanya dari mana diperolehi dan untuk apa ia dibelanjakan dan tentang tubuh badannya bagaimana ia menggunakannya."

Pada musim cuti persekolahan ini terdapat berbagai-bagai aktiviti atau program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan mahupun persendirian untuk disertai antaranya program-program keagamaan, perkhemahan motivasi, bersukan, kesenian, kembara dan sebagainya. Jika anak-anak mempunyai kegemaran dan minat, inilah masa dan peluang ibu bapa untuk memberi galakkan dan dorongan kepada anak-anak supaya dapat mengasah bakat dan minat mereka. Antara aktiviti yang dianjurkan seperti mendalami program pengajian Al-Quran, hafazan dan taranum, kelas memasak, kelas menjahit, membuat kraf tangan, pertukangan, melukis, berenang dan sebagainya. Penglibatan anak-anak dalam program ini boleh membuat mereka untuk menjadi insan yang cemerlang dan berjaya pada masa hadapan.

Ketahuilah peranan ibu bapa amat luas dalam mendidik dan membimbing anak-anak sejak dari kecil lagi, maka dalam musim cuti persekolahan ini merupakan peluang keemasan bagi ibu bapa dan penjaga untuk melibatkan anak-anak di dalam program-program seperti mengikuti aktiviti memakmurkan masjid, kemasyarakatan, gotong-royong dan sebagainya kerana ia merupakan satu panduan yang baik untuk melihat anak-anak mendekati masjid, mempelajari ilmu agama, mengeratkan silaturahim dan hidup bermasyarakat. Selain itu, sepanjang musim cuti persekolahan ini, bagi mereka yang berkemampuan, inilah masa terbaik untuk pergi melancong keluar negara untuk menziarahi hal keluarga dan sanak saudara, menunaikan umrah bagi mendekatkan

diri dan meningkatkan iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, di samping memperluas ilmu pengetahuan dan meluaskan pengalaman. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Mulk, ayat 15 :

Tafsirnya : "Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu (menjalani kehidupan), maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantainya. Serta makanlah sebahagian rezekinya dan kepada-Nyalah kamu (kembali setelah) dibangkitkan."

Namun bagi mereka yang tidak berkesempatan berbuat demikian, antara pilihan lain yang lebih mudah dan menjimatkan adalah bercuti di dalam negara dengan mengambil peluang untuk menerokai dan mengenali negara sendiri. Ia bukan sahaja mengurangkan kos perbelanjaan tetapi membantu menjana kepada pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, bercuti di dalam negara juga dapat memberikan pendedahkan mengenai kesenian dan kebudayaan negara kita sendiri dengan melawat dan bersiar-siar ke pantai-pantai, taman-taman rekreasi, taman-taman permainan dan tempat-tempat bersejarah dan sebagainya. Di samping itu, mengajar kita untuk menghargai keindahan dan kecantikan negara sendiri.

Dalam keseronokan menikmati cuti persekolahan dengan pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan, apa yang sangat penting adalah mengutamakan faktor keselamatan diri, keluarga dan harta benda. Mudah-mudahan cuti persekolahan yang akan dilalui ini akan dapat memberi manfaat yang penuh bermakna dan pengisian masa yang berfaedah untuk kejayaan hidup di dunia dan di akhirat. Dan mudah-mudahan kita terhindar daripada sebarang bahaya dan malapetaka dan sentiasa mendapat perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al 'Ashr, ayat 1 - 3 :

Tafsirnya : "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan-amalan soleh, dan saling berpesan untuk mengikut yang hak serta saling berpesan untuk sabar."

Mantapkan pengajaran dan pembelajaran Jawi dan khat



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Awang Haji Brahim bin Haji Ismail (depan, tengah) hadir selaku tetamu kehormat bergambar kenangan bersama peserta Kursus Pedagogi Pengajaran Jawi dan Khat bagi YSHHB di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB, Jalan Kumbang Pasang.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Mac. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menganjurkan Kursus Pedagogi Jawi

selama dua bulan bermula 16 Januari hingga 15 Mac 2017.

Seramai sembilan peserta mengikuti kursus yang terdiri daripada lepasan pelajar yang menerima biasiswa dari YSHHB yang mengikuti Kursus Diploma Seni Mushaf selama dua

tahun setengah di Kolej Restu, Shah Alam Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Kursus tersebut diadakan dua kali seminggu.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Kursus Pedagogi Pengajaran Jawi yang berlangsung Rumah Semaun, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, YSHHB, Jalan Kumbang Pasang.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil kepada peserta

ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Brahim bin Haji Ismail dan Pemangku Raes KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya penyampaian sijil kepada sembilan peserta kursus yang disampaikan oleh Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan manakala Pengarah Urusan YSHHB diikuti dengan penyampaian sijil kepada 12 fasilitator kursus oleh tetamu kehormat.

Matlamat utama kursus ini adalah untuk meningkatkan pengalaman peserta dalam kemahiran pengajaran mereka.

Di antara objektif yang ingin dicapai adalah untuk memantapkan pengalaman peserta dalam aspek pedagogi khususnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Jawi dan khat dan berkongsi idea antara fasilitator daan para peserta mengenai kemahiran, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

Antara lain juga adalah memantapkan jati diri dalam kalangan peserta terhadap amanah dan tanggungjawab mereka sebagai seorang pendidik dan menambahkan motivasi peserta dalam meningkatkan kualiti profesionalisme mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB.

Penubuhannya ini dihasratkan bagi menjadi sebuah pusat pengajian yang pertama di negara ini yang melahirkan tenaga pakar dari kalangan belia Islam tempatan dalam bidang seni Islam khususnya seni mushaf, kaligrafi dan seni hiasan Islam.

Walaupun Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB pada masa ini masih dalam tahap penubuhan dan belum berfungsi sebagai pusat pengajian Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB dengan kerjasama beberapa pihak telah melaksanakan beberapa program dalam bidang kesenian dan kaligrafi Islam seperti Kursus Pedagogi Pengajaran Jawi.

Dalam pada masa yang sama, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB juga telah menawarkan beberapa perkhidmatan seperti penyalinan buku Yaa Siin, Tahtim dan doa-doa dan menghasilkan karya-karya kaligrafi berupa ayat-ayat dari kitab suci Al-Quran. Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam YSHHB juga bersedia menerima tempahan daripada orang ramai.

Kenali Negara Kitani

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Azmah Haji Ahad, IG Soto PABO

KENALI Negara Kitani kali ini membawa para pembaca melihat keistimewaan yang terdapat dalam dua buah kampung yang terletak di Mukim Kota Batu, iaitu Kampung Kota Batu dan Kampung Pintu Malim. Di bawah jagaan Ketua Kampung Kota Batu, Awang Haji Damit bin Haji Ladin, yang juga Pemangku Ketua Kampung Pintu Malim dan Kampung Sungai Lampai, kampung-kampung tersebut tidak jauh bezanya seperti kampung-kampung lain di negara ini yang menerima kemudahan prasarana dari pihak kerajaan apatah lagi kampung-kampung tersebut terletak tidak jauh dari pusat bandar. Kampung-kampung itu juga mempunyai sejarah tersendiri, namun penulis tidak akan menyentuh mengenai sejarah kampung-kampung berkenaan.

SOTO PABO

Jika tidak mengenai sejarahnya, jadi apakah yang menjadi tarikan di kampung-kampung berkenaan? Bagi para penggemar hidangan soto, pernahkah awda mengunjungi salah sebuah kafe di Kampung Pintu Malim? Terletak tidak jauh dari Masjid Kampung Pintu Malim, Kafe De Hayat memang tidak asing lagi bagi para penduduk sekitarnya. Apakah yang menariknya tentang kafe tersebut? Melihat dari jauh, memang tidak nampak keistimewaannya, seperti rumah-rumah biasa lainnya dengan hanya perbezaan ruang beranda yang tersusun rapi dengan kerusi, meja, layaknya seperti sebuah restoran.

Perkenalkan negara melalui makanan



Dengan *signature food* - Soto PABO, kafe tersebut dimiliki oleh Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Othman. Menurut beliau, PABO merupakan singkatan namanya sendiri di mana nama PABO itu juga merupakan idea dari rakan-rakannya. Beliau memulakan perniagaan di kafe tersebut dengan gabungan modal bersama isterinya, iaitu sebanyak BND300 seorang dan kini mereka mempunyai aset sebanyak BND70 ribu. Katanya lagi, setiap keuntungan yang diperolehi dari perniagaannya digunakan untuk menambahbaik lagi struktur restorannya seperti membaik pulih ruang dapur agar dapat memenuhi syarat-syarat berniaga seperti yang dikehendaki oleh agensi-agensi yang berkenaan.

SAMBUTAN MENGGALAKKAN

Menu-menu yang terdapat di kafe ini memang mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai yang datang bukan hanya dari dalam negara malahan dari luar negara. Apa yang begitu membanggakan menurut Pengiran Abu Bakar, beliau pernah menerima tempahan awal dari pengunjung luar negeri sebelum mereka datang ke negara ini semata-

mata ingin merasakan keenakan menu yang terdapat di kafanya itu yang telah dipromosikan melalui media sosial. Itu menunjukkan kafe beliau bukan hanya terkenal di negara ini malahan sudah mendapat nama di luar negara. Selain itu, kafe ini juga pernah menjadi lokasi penggambaran bagi segmen-segmen mengenai makanan, terbitan beberapa stesen televisyen tempatan dan juga negara luar seperti Malaysia dan Singapura yang sekali gus akan memperkenalkan negara kita di dunia serantau dan antarabangsa.

PEGANGAN HIDUP /

PERANCANGAN MASA DEPAN

Mengamalkan sikap tidak suka berputus asa telah membawa Pengiran Abu Bakar mencapai kejayaan hingga ke tahap ini selain sentiasa berusaha dan mencari jalan bagi mendapatkan sesuatu yang diinginkan. Selain itu beliau juga menanamkan sikap yakin bahawa dengan berusaha dan berdoa pasti akan memperoleh kejayaan.

Pernah jatuh bangun dalam dunia perniagaan, Pengiran Abu Bakar menjadikan

pengalaman lalu sebagai iktibar baginya. Menceritakan kisah lalu, Pengiran Abu Bakar ketika itu menaruh sepenuh kepercayaan pada kakitangan / pekerjaanya yang berasal dari luar negara bagi menjalankan aktiviti bisnesnya. Akhirnya kepercayaan terhadap orang luar telah membawa kerugian kepada bisnes beliau sendiri. Sebab itulah dalam perniagaan yang dijalankannya ketika ini, semua hal ehwal pengurusan dan perkhidmatan di kafe dijalankan oleh beliau suami isteri dengan dibantu oleh anak-anaknya. Apa yang lebih membanggakan, para pekerja beliau semua terdiri dari warga tempatan yang sekali gus memberikan peluang pekerjaan kepada pencari kerja yang minat dalam bidang seperti ini.

Bagi mereka yang dedikasi dan komited dengan apa yang dilakukan, pasti mereka mempunyai perancangan yang tersendiri. Begitu juga dengan Pengiran Abu Bakar yang berhasrat ingin membesarkan lagi ruang kafanya dan mengambil bekerja lebih ramai lagi anak-anak tempatan.

SARANAN DAN HARAPAN

Menyentuh dengan saranan kerajaan agar para graduan bergiat aktif dalam bidang keusahawanan, Pengiran Abu Bakar menyambut baik saranan tersebut di mana dengan demikian anak-anak tempatan tidak akan berharap pada sektor kerajaan semata-mata untuk menyediakan ruang pekerjaan. Namun, yang menjadi persoalan menurutnya ialah, selaku lepasan graduan maka untuk mendapatkan modal setentunya akan menjadi satu isu yang tidak sepatutnya dipandang ringan. Oleh itu, beliau menasihatkan agar mereka yang berminat dengan bidang keusahawanan agar memulakan perniagaan secara kecil-kecilan sepertimana yang beliau lakukan ketika ini.

Beliau juga menasihatkan kepada mereka yang berminat dalam bidang keusahawanan agar tidak terus melabur secara besar-besaran sekiranya memiliki kewangan yang mencukupi. "Sebaiknya kita memulakan perniagaan dari kecil-kecilan dahulu sebelum mengembangkannya. Nya orang kitani, 'jangan terajun-terajun pucuk' yang bermakna jangan melakukan sesuatu atau tanpa perancangan. Kita mesti ada perancangan bagaimana untuk melaburkan kewangan yang dimiliki," ujarnya.

Kepada pihak-pihak tertentu pula, Pengiran Abu Bakar berharap agar mereka akan menyokong mana-mana pengusaha tempatan yang mempunyai potensi dengan memberi sokongan moral agar para pengusaha di negara ini akan lebih berkembang maju dan dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara. Beliau juga berharap agar perniagaannya akan terus berjaya bukan hanya di dalam negara malahan juga menjadi dikenali ke luar negara.



PEMILIK Kafe De Hayat, Pengiran Abu Bakar bin Pengiran Othman (kanan) ketika ditemu bual oleh hos Program Street Food ASEAN yang disiarkan di RTM (atas). Manakala gambar bawah, Kafe De Hayat bukan hanya berjaya menambat hati para pengunjung tempatan malahan juga berjaya mencuri hati para pengunjung dari luar negara.



ANTARA menu yang menggamit selera para pengunjung ke Kafe De Hayat, di Kampung Pintu Malim.



Bina komunikasi, kepimpinan kemahiran belia

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Mac. - Program Kepimpinan Belia Sekolah Sukan berakhir hari ini dengan Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan di Dewan Kuliah Sekolah Sukan, Kampung Pulaie.

Program tersebut disertai oleh 20 pelajar yang menjalankan aktiviti

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



selama lapan minggu yang dianjurkan oleh 'UBD TOASTMASTER CLUB'.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil

kepada para peserta ialah Pengarah Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

Sepanjang program, para peserta memainkan peranan sebagai Presiden, pembentang jadual, penilai jadual, penyampai ucapan, penjaga masa, wartawan dan lain-lain lagi.

Pelajar juga diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam program ini dan seterusnya menggalakkan pelajar lain untuk turut mengambil bahagian.

Sebagai sebahagian daripada majlis tamat pengajian, para pelajar juga menerima sijil penyertaan daripada Toastmasters International yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

PROGRAM kepimpinan belia ini merupakan satu program kemasyarakatan yang dianjurkan oleh *toasmasters* antarabangsa.



PENGARAH Kokurikulum, Kementerian Pendidikan Awang Haji Azis bin Haji Nayan (dua kanan), hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sijil Program Kepimpinan Belia Sekolah Sukan.

Program kepimpinan belia merupakan satu program kemasyarakatan yang dianjurkan oleh *toasmasters* antarabangsa di mana para peserta membina komunikasi dan kepimpinan kemahiran melalui pengalaman

praktikal.

Sekolah-sekolah yang berminat dalam program kepimpinan belia boleh menghubungi Kelab Toastmaster Universiti Brunei Darussalam melalui mereka e-mel ubdtoasmasters@gmail.com.

Kursus AFC perkasa pembangunan bola sepak negara

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Dalam usaha berterusan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) meningkatkan lagi sukan bola sepak negara, beberapa kursus profesional bagi jurulatih bola sepak telah dijalankan bagi melahirkan jurulatih-jurulatih tempatan yang berdaya saing.

Tetamu kehormat, Penolong Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud semasa berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Tamat Kursus AFC berkata sejak tertubuhnya NFABD, seramai tujuh jurulatih lesen 'A', 15 jurulatih lesen 'B', 84 jurulatih lesen 'C' dan 11 jurulatih Goal Keeping Level 1 telah berjaya dilahirkan.

Pada acara yang berlangsung di Dewan Serbaguna, NFABD House, Jalan Pusat Persidangan, di sini, beliau menambah, dalam usaha berterusan NFABD bagi memperkasa pembangunan sukan bola sepak negara, satu peraturan khusus telah

dimuatkan dalam Kejohanan Liga Super dan Perdana DST beberapa tahun kebelakangan dengan mensyaratkan masing-masing dengan jurulatih lesen 'B' bagi Kejohanan Liga Super dan jurulatih lesen 'C' bagi Kejohanan Liga Perdana.

Pada majlis tersebut, seramai 31 orang jurulatih yang telah mengikuti dua kursus daripada Asian Football Confederation (AFC) iaitu 19 mengikuti Kursus AFC 'C' Coaching yang telah diadakan pada 21 November hingga 3 Disember 2016 dan 12 lagi mengikuti Kursus AFC Goalkeeping Coaching Tahap 1 yang telah diadakan pada 3 hingga 8 September 2016, menerima sijil masing-masing daripada tetamu kehormat.

Penyertaan kursus yang diunkayahkan kali ini turut menyaksikan para peserta dari luar negara, iaitu daripada Republik Indonesia, Republik Singapura dan Nigeria yang dibimbing oleh jurulatih



PENOLONG Setiausaha Agung NFABD, Pengiran Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud (duduk, tengah) dalam sesi gambar ramai bersama peserta Kursus Asian Football Confederation (AFC) 'B' Coaching.

daripada AFC, Mike Wong dan Stephen Ng Heng Seng.

Kursus juga menerapkan pelbagai modul sains sukan antaranya komponen kecergasan fizikal,

sistem otot dan tenaga serta psikologi sukan yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Perubatan Sukan (SMRC), Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Agung NFABD, Awang Rosdin bin Haji Abdul Aziz dan Ahli Exco NFABD, Awang Haji Meramit bin Haji Damit.

Rumah Daerah Temburong juara Sukan Olahraga YSHHB



PASUKAN Rumah Daerah Temburong muncul juara keseluruhan pada Acara Sukan Olahraga Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkongsi kegembiraan bersama Pengerusi Persatuan Ibu bapa dan Guru-Guru (PIBG), Sekolah Menengah YSHHB, Dato Paduka Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor (tiga, kiri) yang hadir menyampaikan hadiah.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Khamis, 16 Mac. - Pasukan Rumah Daerah Temburong muncul juara keseluruhan pada Acara Sukan Olahraga Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) 1438 Hijrah / 2017 Masihi setelah meraih 11 pingat emas, 4 perak dan 7 gangsa.

Manakala Rumah Daerah Belait pula dipilih menjadi juara bagi Perbarisan Lalu Terbaik setelah mengutip 79 mata serta menjadi naib juara dengan 9 pingat emas, 8 perak dan 7 gangsa.

Sementara itu, tempat ketiga dimenangi oleh Rumah Daerah Brunei Muara dengan kutipan 6 pingat emas, 10 perak dan 7 gangsa, manakala Rumah Daerah Tutong pula jatuh tempat keempat setelah memperoleh 5 pingat emas, 9 perak dan 9 gangsa.

Hadir menyampaikan hadiah kepada para pemenang bertempat di Kompleks Sukan Berakas, di sini

ialah Pengerusi Persatuan Ibu bapa dan Guru-Guru (PIBG), Sekolah Menengah YSHHB, Dato Paduka Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor.

Sebanyak 10 acara dipertandingkan, iaitu Larian 100 Meter Lelaki dan Perempuan B, Larian 100M Lelaki dan Perempuan C, Larian 200M Lelaki dan Perempuan B, Larian 200M Lelaki dan Perempuan C, Larian 400M Lelaki dan Perempuan B, Larian 400M Lelaki dan Perempuan C, Larian 4 x 100M Lelaki B, Larian 4 x 100M Lelaki C, Larian 4 x 100M Perempuan B dan Larian 4 x 100M Perempuan C.

Acara tahunan tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan kecergasan mental dan fizikal pelajar, selain untuk mencungkil bakat sukan, di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelajar-pelajar dan guru-guru.



CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia, iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil berkenan menyertai Kejohanan Bola Sepak Sekolah-sekolah rendah Kluster 4 mewakili Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Sementara gambar atas, YAM berkenan menerima hadiah dan piala tempat kedua bagi Pasukan YSHHB dari Mantan Guru Besar SR Rimba II, Dayang Azimah binti Haji Ali Ahmad.



AWANG Mohd. Ridhwan bin Abd. Rahim dari SR Rimba II menerima piala dari tetamu kehormat setelah terpilih sebagai pemain terbaik.

Sekolah Rendah Rimba II juara

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

LAMBAK, Rabu, 15 Mac. - Sekolah Rendah Rimba II muncul juara setelah mengalahkan Sekolah Rendah

Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) pada perlawanan akhir Kejohanan Bola Sepak Kluster 4



Tahun 2017 di Padang Futsal Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak, di sini.

SR YSHHB dan SR Orang Kaya Besar Imas, Subok pula masing-masing menyandang naib juara dan tempat ketiga kejohanan tersebut.

Turut menyertai kejohanan itu bagi SR YSHHB ialah cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan piala, pingat dan sijil kepada para pemenang ialah Mantan Guru Besar SR Rimba II, Dayang Azimah binti Haji Ali Ahmad.

Tetamu kehormat kemudiannya menyampaikan hadiah kepada pemain terbaik yang dirangkul oleh Awang Mohd. Ridhwan bin Abd. Rahim dari SR Rimba II.

Kejohanan anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum itu bermula pada 13 Mac lalu dan dikendalikan oleh SR Rimba II.

CUCUNDA Kebawah Duli Yang Maha Mulia, iaitu YAM Pengiran Anak Abdul Hafeez bin Pengiran Anak Khairul Khalil berkenan menyertai Kejohanan Bola Sepak Sekolah-sekolah Rendah Kluster 4 mewakili Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

MS ABDB benam Sekolah Sukan 5 - 1

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 17 Mac. - Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) membenam Sekolah Sukan dalam acara Futsal pada Kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-3, 2017 dengan jaringan 5 - 1.

Sementara itu, pada perlawanan kedua Pasukan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berjaya mengalahkan MS PDB dengan jaringan 4 - 1.

Perlawanan yang dikendalikan oleh Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) itu berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Sebanyak 11 pasukan berentap di dalam acara Futsal pada kejohanan SKBD tersebut yang dibahagikan pada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.

Antara pasukan yang bertanding pada kejohanan sukan tersebut ialah Pasukan Daerah Tutong, Daerah



ANTARA aksi perlawanan di antara Pasukan Sekolah Sukan menentang MS ABDB pada acara Futsal pada Kejohanan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-3.

Brunei dan Muara serta Royal Brunei Airlines (RB).

Kejohanan SKBD Ke-3 dikelola oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan kebangsaan. Ia akan

berlangsung selama lima hari bermula 25 hingga 29 Mac ini.

Sebanyak lapan acara sukan akan dipertandingkan, antaranya Lumba Basikal, Bola Jaring, Badminton, Olahraga dan Tarik Kalat.

Tahukah Awda

KIKIK adalah salah satu permainan tradisi masyarakat Melayu Brunei. Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam, masyarakat Melayu Brunei dan bangsa Tionghua sangat aktif bermain kikik pada masa lapang.

Permainan kikik ini kemudiannya semakin popular dan mula mendapat perhatian oleh kalangan penduduk di Brunei Darussalam yang tinggal di Kampung Ayer, seperti di Kampung Burong Pingai Ayer hingga ke Kampung Setia, Kampung Batu Marang, Kampung Masjid Lama, Kampung Subok dan Kampung Serasa.

SUMBER : Ragi Kikik di Brunei Darussalam, Muhammad Suffian Haji Serudin, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2017.



ePaper
Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

RANCANG DAN ATUR AKTIVITI SEPANJANG CUTI PERSEKOLAHAN

دريتيكن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.